

66KB

JERNAL SEJARAH KELANTAN

Y
00044/3
HAL

KOLEKSI N. A. HALIM



JERNAL SEJARAH KELANTAN



PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN
1975.

KOLEKSI N. A. HALIM

JERNAL SEJARAH KELANTAN

JILID I. BIL. I. 1974/1975 KDN: 8571

BIL. KANDUNGAN MUKASURAT
==== ====== ======

1. Encik Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh -

MENGKAJI SALASILAH LONG YUNUS
KELANTAN.

1 - 30

2. Drs. Abdul Rahman bin Al-Ahmadi -

CERITA RADEN PANJI :
MENANDAKAN ADANYA HUBUNGAN
BERSEJARAH ANTARA KELANTAN-JAWA 31 - 39

3. Encik Abdullah Al-Qari (A.Q.H.A.S) -

WAN AHMAD PETANI DAN
KARYA-KARYANYA. 40 - 50

4. Encik Abdul Samad bin Mahmud -

RIWAYAT HIDUP :
HAJI AB. SAMAD B. FAQIH
HAJI ABDULLAH
(TOK PULAI CHONDONG) 51 - 65

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN.

Jawatankuasa Kerja 1973/1974.

Penaung	Y.A.B. Datuk Haji Mohd. Asri b. Haji Muda (Datuk Sri Paduka Raja), S.P.M.K.
Yang Dipertua	Encik Saw Chae Leng, P.J.K.
Naib Yang Dipertua	Y.M. Tg. Abd. Rahim b. Tg. Zainal Abidin (Tengku Sriwa Raja), D.P.S.K., P.M.K.
Setiausaha	Encik Salleh bin Mohd. Akib, P.B.
Penolong Setiausaha	Encik Ismail bin Mat
Bendahari	Encik Abdul Rahman bin Ali, A.S.K.
Penyunting	Encik Hussein bin Ahmad
Ahli-ahli	Encik Abdullah bin Mohamed Y.A.B. Datuk Ariffin bin Abd. Ghani, D.P.M.K. Y.A.B. Datuk Wan Mohamed b. Yusoff, D.P.S.K., P.M.K. Drs. Abdul Rahman bin Al-Ahmadi, P.B. Encik Megat Ramli bin Megat Adnan
Pemeriksa Kira-kira	Encik Abd. Hamid bin Omar, P.P.N., P.M.K. Encik Nik Mustapha bin Haji Daud, P.T.
Sidang Pengarang	Encik Hussein bin Ahmad (Penyunting) Drs. Abdul Rahman bin Al-Ahmadi, P.B. Encik Abdullah bin Muhammad (Nakula)

DARI PENYUNTING

Nemang telah menjadi salah satu daripada rangka kegiatan Persatuan ini hendak menerbitkan bahan-bahan bacaan dan rojokan dalam perkara-perkara mengenai sejarah, khususnya mengenai sejarah Kelantan. Penerbitan yang seperti ini bukan sahaja dapat menampung hasil penyelidikan yang terbaharu tetapi juga dapat menjadi medan pertukaran fikiran yang akhirnya dapat mencapai suatu rumusan yang dapat diterima umum.

Kita sentiasa sedar bahawa kenyataan sejarah dan peristiwa/personaliti yang berhubungan dengannya masih banyak yang kurang pasti dan banyak menimbulkan persoalan. Persoalan-persoalan ini, jika tidak diedarkan dengan ikhlas dan bertanggungjawab mungkin akan diterima sebagai kenyataan sejarah yang sebenarnya. Jika hal yang demikian berlaku berterusan maka satu kerugian besar dan penyelewongan yang ketara dihadapi oleh golongan-golongan muda sekarang ini dan golongan-golongan yang akan datang.

Dan adalah menjadi hasrat Persatuan ini, membongkar segala kesilapan dan kesalahan mengenai persejarahan negeri ini khususnya dan negara Malaysia amnya. Berhubung dengan ini, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama merakamkan secara bertulis segala khazanah sejarah yang masih wujud dalam ingatan orang-orang tua kita yang tinggal di merata-rata di negeri kita ini. Jurnal ini sedia memuatkan segala hasil kajian yang orijinal mengenai perkara-perkara ini. Kami sedia menunggu hasil tulisan anda untuk keluaran Jurnal ini yang akan datang.

Salam Dari Penyunting

HUSSEIN AHMAD

Sekolah Menengah Bunut Susu,
Pasir Mas, Kelantan.
10hb. Februari, 1975

PENDAHULUAN

Saya merasa amat sukacita kerana diberi peluang menulis sepatah dua kata dalam keluaran sulung Jurnal Sejarah Kelantan ini.

Penerbitan bahan-bahan bacaan seperti Jurnal ini adalah menjadi salah satu daripada kegiatan utama Persatuan ini. Sebelum daripada penerbitan Jurnal ini, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan telahpun menjalankan beberapa kegiatannya. Antara kegiatannya yang terpenting ialah mengadakan Pamiran Sejarah. Pamiran ini telah mendapat sambutan hangat dan telah menanamkan minat yang besar terhadap sejarah oleh masyarakat setempat.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini, agar penerbitan Jurnal ini akan mendapat sambutan yang sama hangatnya dengan sambutan yang diberi kepada Pamiran Sejarah dahulu. Jurnal ini mengandungi beberapa buah makalah ilmiah yang dikaji dan ditulis oleh pengkaji anak negeri Kelantan sendiri. Semua makalah ini adalah yang orijinal iaitu tidak pernah disiarkan dalam mana-mana penerbitan sebelumnya. Memang sukar memperolehi makalah-makalan bernilai seperti ini dalam penerbitan-penerbitan di negara kita, kecuali yang diusahakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi. Namun begitu makalah-makalah ilmiah mengenai persejarahan negeri Kelantan adalah sukar didapati. Dengan hal yang demikian, maka usaha Persatuan ini menerbitkan Jurnal seperti ini perlu sekali diberi perhatian dan sokongan yang sewajarnya.

Sambutan masyarakat terhadap Jurnal ini akan menentukan riwayat dan masa depan Jurnal ini sendiri. Jadi, dengan ini sukalah saya mengambil peluang di sini menyeru kepada semua pehak supaya sama-sama membimbing dan mendokong Jurnal ini agar ia akan dapat diterbitkan terus-menerus.

Jabatan Pelajaran Kelantan,
Kota Bharu.

10hb. Februari 1975.

Saw Chee Leng
(YANG DIPERTUA)
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Kelantan

MENGKAJI

SAIASILAH LONG YUNUS

KELANTAN

Long Yunus ialah pelopor serta pengasas Kesultanan Kelantan yang ada sekarang ini. Daripada keturunannya lahir negeri Kelantan di perintah oleh Raja-raja dan Sultan-sultan dengan tidak putus-putus pertaliannya sehingga kepada masa sekarang ini. Jika dihitung daripada tarikh Long Yunus mula-mula menaiki takhta kerajaan atau mula-mula menjadi Raja Pemerintah negeri Kelantan,¹⁾ maka usia Kesultanan Kelantan yang ada sekarang ini adalah kira-kira dua ratus tahun. Dalam masa dua abad itu, seramai dua belas orang Raja telah memerintah negeri Kelantan.²⁾

Long Yunus adalah juga pengasas negara kesatuan Kelantan, kerana di zaman pemerintahan baginda lahir sebuah negeri Kelantan lebih kurang seperti yang ada sekarang ini telah ditubuhkan dengan diperintah oleh seorang Raja sahaja. Long Yunuslah raja yang telah menyatukan seluruh negeri Kelantan dan diletakkan di bawah satu pemerintahan yang berkedudukan di Kampong Kota Lama sekarang.³⁾

Siapakah sebenarnya Long Yunus ini; apakah asal usulnya; dan darimanakah baginda atau datuk neneknya datang atau berasal? Soal-soalan ini tidak mungkin dapat dijawab dengan tepat dan jelas kerana cerita-cerita berkenaan dengan Long Yunus yang diwarisi zaman berzaman

tidak lengkap dan tidak jelas bahkan samar-samar serta bercampur dengan unsur-unsur dongeng. Justeru itulah, maka harus dan patut diselidiki sejarahnya secara mendalam dengan menggunakan bahan-bahan tempatan, baik lisan maupun tulisan dan juga bahan-bahan asing yang ada kaitannya dengan sejarah negeri Kelantan dan Malaysia. Ini merupakan satu-satunya tugas penting bagi ahli-ahli atau peminat-peminat sejarah Kelantan, khususnya di kalangan tempatan.

Mengenai asal usul kerabat diraja negeri Kelantan, Tuan W.A. Graham menulis, dalam tahun 1908, demikian: 'Adapun kerabat diraja Kelantan bukanlah keturunan daripada raja-raja di Sumatra dan Melaka, sebagaimana raja-raja negeri-negeri Melayu yang lain tetapi mempunyai kaitan sejarah dengan Long Yunus, iaitu seorang pengembara Melayu yang dipercayai datang dari sebelah timur beberapa ratus tahun yang lalu. Beliau duduk di pesisir negeri Kelantan dan daripadanyaalah kerabat diraja Kelantan yang ada sekarang berasal.'⁴⁾ Graham juga menulis bahwa kerabat diraja Kelantan sekarang (iaitu keturunan Long Yunus) mungkin berasal dari negeri Siam atau negeri Khmer (Kemboja).⁵⁾ Mengikut sebuah cerita tempatan,⁶⁾ nenek moyang kerabat diraja Kelantan yang ada sekarang datang dari seberang laut, melalui negeri Patani, tetapi tarikhnya tidak diketahui. Kesimpulan dari apa yang disebut di atas itu ialah bahwa nenek moyang kerabat diraja Kelantan yang ada sekarang ini berasal dari suatu negeri lain ataupun telah datang dari luar negeri Kelantan, beberapa ratus tahun yang lalu.

Mengikut penyelidikan dan kajian penulis, ada beberapa salsilah Long Yunus yang berbeza ceritanya di antara satu dengan yang lain, sebagaimana yang akan diperkatakan berikut ini.

I. KETURUNAN DARIPADA RAJA DARI SEBERANG LAUT

Cerita ini berasal dari Y.M. Tengku Khalid bin Tengku Chik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara),⁷⁾ yang telah dikutip daripadanya oleh Tuan Anker Rentse di antara tahun 1932 - 1934.⁸⁾ Ringkasan ceritanya adalah seperti di bawah ini.⁹⁾

Adapun nenek moyang kerabat diraja negeri Kelantan sekarang ini datang dari seberang laut. Baginda ialah seorang putera Raja, dan mengembara keluar negeri. Di tengah-tengah laut kapal yang dinaikinya itu dipukul ribut, lalu pecah dan karam. Semua di dalam kapal itu mati lemas kecuali putera Raja itu seorang sahaja. Baginda telah dihanyutkan oleh ombak lalu mendarat di sebuah pantai.¹⁰⁾ Tiada berapa lama, baginda menjadi Raja di negeri itu iaitu negeri Patani.¹¹⁾ Baginda berkahwin serta mendapat dua orang putera, yang sulung dilantik menjadi bakal Raja Patani, tetapi puteranya yang kedua menimbulkan masaalah sebab baginda tiada tahu apa yang hendak dibuatnya. Pada suatu hari, sambil berada di tepi laut negeri Patani, baginda ternampak cahaya berkilau-kilauan memancar seperti kilat di arah sebelah selatan negeri Patani itu. Oleh kerana tersangat ghairah dengan cahaya itu, baginda dengan tidak semena-mena meneriak 'kilat-kilatan !!'. Dari semenjak itulah negeri di sebelah selatan Patani itu dipanggil orang "Kilat-kilatan" dan lama kelamaan menjadi Kelantan.¹²⁾ Tiada lama berselang Raja dari Seberang Laut itu (iaitu Raja Patani) berangkat ke Kelantan dengan puteranya yang kedua, lalu mendarat di kuala sebelah sungai (sekarang bernama Sungai Golok). Baginda dapati tempat itu amat sesuai bagi dijadikan ibu negeri yang baharu, lalu bertitah kepada orang-orangnya, "Patut kita tabalkan di sini anak kita dan kita namakan negeri ini Kilatan". Tempat itu kemudiannya dipanggil Tabal, di mana didirikan sebuah kota dan jadilah ia ibu kota yang pertama bagi negeri Kilatan.

atau Kelantan. Beberapa tahun atau beberapa keturunan kemudian, terdengar khabar Raja Siam hendak melanggar negeri Patani dan negeri Kelantan.¹³⁾ Adapun raja negeri Kelantan pada masa itu ialah Sultan Muhammad.¹⁴⁾ Untuk melembutkan hati Raja Siam itu, Sultan Muhammad menghantar seekor gajah putih kepunyaan baginda sendiri sebagai hadiah kepadanya. Raja Siam itu tersangatlah gembira mendapat hadiah gajah putih itu, dan sebagai membalas budi baik Sultan Kelantan itu, baginda (Raja Siam) menghantar seorang puterinya sendiri (atau adik perempuannya ?) untuk dijadikan isteri oleh Sultan Kelantan tersebut. Dengan isteri dari negeri Siam itu, Sultan Muhammad mendapat beberapa orang putera dan puteri. Timbul masalah hendak memberi nama kepada putera-putera dan puteri-puterinya baginda itu, adakah hendak diikut adat Melayu (Islam) atau adat Siam. Akhirnya dibuat keputusan oleh baginda memberi nama-nama Islam serta juga nama timang-timangan Siam kepada putera-putera dan puteri-puterinya itu. Dengan demikian gelaran "Raja" diganti dengan gelaran "Long" (Luang dalam bahasa Siam) bagi putera-puteranya dan gelaran "Nai" bagi puteri-puterinya.¹⁵⁾

Beberapa keturunan berlalu, muncul di Kelantan dua buah negara kecil bernama Jembal¹⁶⁾ dan Kubang Labu.¹⁷⁾ Pada suatu masa Kubang Lalu diperintah oleh seorang Raja bernama Long Pandak. Baginda mempunyai seorang Laksamana bernama Long Bahar^{Long Ghaffar} iaitu keturunan dari Raja dari Seberang Laut yang tersebut, dan ayahanda kepada Long Yunus.

Pada suatu hari permaisuri Long Pandak terpandang kain cantik yang dipakai oleh Long Bahar, lalu baginda memohon kepada Long Bahar supaya meminjamkan kainnya kepada baginda untuk ditiru coraknya bagi ditenun. Long Pandak terlihat kain itu pada tempat permaisurinya dan baginda tahu kain itu hak kepunyaan Long Bahar Laksamananya,¹⁸⁾

Long Ghaffar bila Long Bahar -

Long Bahar ialah anakje Long Suleiman da menek pada
Long Yunus.

Baginda menaruh syak terhadap permaisurinya dan dengan tidak usul periksa lagi lalu dibunuhnya serta menghantar mayat permaisurinya itu dengan seekor gajah ke Kota Pasir Mas¹⁹⁾ (Raja Pasir Mas ialah mertua Long Pandak). Raja Pasir Mas amatlah murka atas perbuatan Long Pandak lalu berangkat dengan hulubalangnya menyerang Kubang Labu serta membunuh Long Pandak sebagai membalas kekejaman yang telah dilakukan kepada permaisuri dan juga puterinya itu. Setelah itu Long Bahar dibenarkan memerintah di Kubang Labu, tetapi baginda tidak pernah memakai gelaran Sultan. Long Bahar mempunyai dua orang puteri, seorang daripadanya berkahwin dengan Long Drahman, iaitu Raja negeri Reman²⁰⁾ yang handal itu. Setengah orang kata Long Drahman itu Raja negeri Legeh²¹⁾. Long Drahman seorang raja yang bercita-cita tinggi. Tiada lama berselang, Long Drahman bergaduh dengan ayahanda mertuanya itu lalu dibunuhnya. Setelah itu Long Drahman menggelarkan dirinya Raja Kelantan, dengan memakai gelaran Baginda. Ada cerita mengatakan Long Drahman, setelah berkuasa di Kelantan, telah dapat menakluki beberapa buah negeri yang lain sehingga sampai ke negeri Singgora²²⁾ di sebelah utara negeri Patani. Baginda mendirikan kota dan balainya di Kampong Galoh.²³⁾ Makam-makam Long Bahar, Long Drahman dan permaisuri-permaisuri mereka pernah dietakkan di tepi sungai di Kota Bharu.²⁴⁾ Long Bahar meninggalkan seorang putera, bernama Long Yunus, yang masih kecil lagi ketika ayahannya (Long Bahar) terbunuh. Pembesar-pembesar Long Drahman merasa uriga terhadap Long Yunus yang masih kecil itu, lalu mereka menyembah-an hal itu kepada Long Drahman. Percakapan itu telah didengari oleh seorang dayang Long Yunus. Pada suatu hari di pagi-pagi hari, ketika orang-orang sedang sembahyang dan pintu kota masih belum dikawal, dayang itu membawa lari Long Yunus, sehingga sampai ke satu tempat

bernama Yong Bakar (Jong Bakar), dekat Tumpat sekarang. Dari situ mereka terus lari ke Trengganu dan di sana Long Yunus dipelihara oleh Sultan Trengganu (Sultan Hansur). Semasa di Trengganu Long Yunus berbakti kepada Sultan Trengganu itu.²⁵⁾ Setelah Long Yunus dewasa dan untuk mengenangkan jasanya, Sultan Trengganu sanggup menolong putera Raja Kelantan itu merebut negeri Kelantan. Akhirnya dengan bantuan orang-orang Trengganu, Long Yunus melanggar serta berjaya merebut negeri Kelantan. Long Yunus menjadi Raja Kelantan dan Long Ga'par sahabat karibnya yang berasal dari negeri Reman itu menjadi Perdana Menterinya dengan gelaran "Sri Mahraja Perdana Menteri".

Cerita tersebut di atas menunjukkan bahwa Long Yunus itu ialah putera kepada Long Bahar. Long Bahar itu pula ialah dari keturunan Sultan Muhammad; dan Sultan Muhammad tersebut ialah keturunan daripada Raja Patani yang berasal pula dari sebuah negeri di seberang laut. Untuk rojukan lihat Rajah 1. 9/3178

2. KETURUNAN DARIPADA RAJA "KEBAYAT NEGARA"

Mengikut beberapa sejarah-sejarah tempatan, Long Yunus dikatakan keturunan daripada raja sebuah negeri bernama "Kebayat Negara" atau "Kembayat Negara". Walaupun begitu sumber-sumber sejarah itu membentangkan cerita-cerita yang berlainan.

"Hikayat Seri Kelantan",²⁸⁾ mengatakan dua orang anak Raja Kebayat bernama Tuan Kembang Bunga (puteri) dan Long Sulaiman telah membawa diri ke negeri Patani, setelah negeri Kebayat dikelahkan oleh orang-orang China dan Raja Kebayat (ayahanda mereka) terbunuh dalam perang melawan orang-orang China itu. Apabila dewasa, Long Sulaiman telah berkahwin dengan anak perempuan seorang pembesar Patani. Dengan

R A J A H 1

Raja dari sebuah negeri
di seberang laut jadi
Raja Patani

Putera Sulong
jadi Raja Muda
Patani

Raja di Tabal (Putera Ke-2)

anak cucu turun
kepada

Sultan Muhammad

anak cucu turun
kepada

Long Bahar

(jadi Laksamana kepada
Long Pandak, Raja Kubang
Labu - setelah mangkat
Long Pandak jadi Raja
Kubang Labu)

Long Yunus

Catitan:

Salsilah Long Yunus mengikut Y.M. Tengku Khalid
bin Tengku Chik Abdullah yang dikutip oleh Anker
Rentse (1934 Masehi).

R A J A H 2

Raja Kebayat Negara

Long Sulaiman

Tuan Kembang Bunga

Long Yunus

Catitan:

Mengikut salsilah dalam Hikayat Seri Kelantan (1914 M)

R A J A H 3

Putera Raja 'Kebayat Negara'

Dato Wan

Dato Pengkalan Tua

Dato Pasir
(Raja di Patani)

Tuan Long Senik

Tuan Besar

Long Yunus

Catitan:

Mengikut salsilah dalam Riwayat Kelantan
karangan Asaad Shukri bin Haji Muda (1929M)

isterinya itu Long Sulaiman beroleh seorang putera yang bernama Long Yunus. Long Yunus telah dibela oleh Raja Patani. Tiada berapa lama Long Yunus telah dihalau oleh Raja Patani,²⁹⁾ lalu baginda membawa diri mengembara hingga akhirnya sampai ke Kubang Labu, Kelantan, di mana baginda telah diambil oleh Raja Kubang Labu serta dijadi Bendaharinya.

Kesimpulan daripada kisah dalam Hikayat Seri Kelantan itu ialah bahwa Long Yunus ialah putera Long Sulaiman, dan Long Sulaiman pula ialah putera Raja negeri Kebayat atau Kembayat. Lihat: Rajah 2

Riwayat Kelantan³⁰⁾ pula menyebut bahwa negeri Kebayat itu terletak di negeri China. Pada suatu masa berlaku huru hara di negeri itu kerana raja-rajanya berkelahi merebut takhta kerajaan. Seorang daripada putera Raja negeri Kebayat itu telah melarikan diri ke negeri Patani di mana baginda telah dibela oleh seorang pembesar negeri itu. Setelah itu baginda telah dibela pula oleh Raja Patani. Putera Raja Kebayat itu akhirnya dapat menjadi Raja Patani dengan bergelat Dato Wan. Baginda beroleh seorang putera yang diketahui dengan gelarannya sahaja iaitu Dato Pengkalan Tua. Dato Pengkalan Tua ini beroleh tiga orang anak atau putera iaitu seorang bergelar Dato Pasir, kedua bernama Tuan Besar dan ketiga bernama Tuan Long Senik. Tuan Long Senik ini telah beroleh seorang putera yang diberi nama Long Yunus.

Mengikut Riwayat Kelantan ini, Long Yunus ialah putera Long Senik atau Long Nik. Long Senik atau Long Nik pula ialah putera Dato Pengkalan Tua. Dato Pengkalan Tua ialah putera Dato Wan iaitu Putera Raja Kebayat Negara. Lihat: Rajah 3.

Ringkasan Tarikh Kelantan menyebut bahwa negeri Kebayat Negara ialah perang dengan negeri China, lalu Raja Kebayat bersama-sama dua orang anaknya iaitu seorang puteri bernama Tuan Puteri Kembang Bulan dan

seorang putera bernama Long Sulaiman, mlarikan diri ke Bekalan Datu, Kelantan. Mereka telah dibela oleh Raja Bekalan Datu. Apabila negeri Patani berperang melawan musuh (mungkin orang-orang Siam ?) Raja Bekalan Datu menghantar Raja Kebayat menggalai pasukan dari Bekalan Datu pergi ke Patani membantu Raja Patani melawan musuhnya itu. Raja Kebayat telah terkorban dalam peperangan di Patani itu. Mendengar ayahandanya mangkat itu, Long Sulaiman bertolak ke negeri Patani dan tinggallah baginda di sana dibela oleh seorang pembesar Patani. Long Sulaiman dikahwinkan dengan anak pembesar Patani itu dan dengannya beroleh seorang putera dinamakan Long Yunus. Long Yunus kemudian diambil dan dibela oleh Raja Patani. Tiada berapa lama Long Yunus dihalau oleh Raja Patani kerana baginda jatuh sakit dan mengikut ahli nujum penyakitnya itu tiada akan sembuh selagi Long Yunus masih berada dalam istana dan di negeri Patani. Long Yunus membawa diri lalu sampai di Kubang Labu, Kelantan. Baginda dibela oleh Raja Kubang Labu.

Mengikut cerita dari Ringkasan Tarikh Kelantan itu Long Yunus ialah putera Long Sulaiman. Long Sulaiman itu pula putera Raja negeri Kebayat Negara. Lihat: Rajah 4.

Sebuah sejarah dari Trengganu 31) menyebut bahwa asal Raja negeri Kelantan ialah keturunan dari Dato Wan, yang pernah menjadi Raja Patani. Dato Wan ada tiga orang anak atau putera, seorang daripadanya iaitu yang sulung bergelar Dato Pasir dan dua orang lagi itu bernama Tuan Besar dan Tuan Long Nik. Dato Pasir tinggal di Patani, tetapi kedua-dua adindanya itu pergi duduk di Kelantan. Tuan Long Nik beroleh seorang putera bernama Long Yunus dan seorang puteri.

Mengikut sejarah dari Trengganu itu, Long Yunus ialah putera Tuan Long Nik; Tuan Long Nik pula putera Dato Pengkalan Tua; dan Dato

R A J A H 4

Raja 'Kebayat Negara'

Tuan Puteri
Kembang Bulan

Long Sulaiman

Long Yunus

Long Muhammad I
1800 - 1820

Catitan:

Mengikut salsilah dalam Ringkasan Tarikh Kelantan karangan Usman bin Yusof (1927M)

R A J A H 5

Dato Wan
(Raja Negeri Patani)

Dato Pengkalan Tua

Dato Pasir

Long Besar

Tuan Long Nik

Long Pandak

Long Nik

(Perempuan)


Long Yunus

(Perempuan)
isteri baginda
Long Derahman

Catitan:

Mengikut salsilah dalam buku sejarah karangan
Haji Abdullah Trengganu (1876 Masehi)

(Endek) Pakeh Ali
 (keturunan dari anak
 Raja Bugis Agong Runan)



Catitan:

Mengikut salsilah dalam Ringkasan Cetra Kelantan karangan Haji Nik Mahmud bin Ismail, Dato Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan. (1934 Masehi).

Pengkalan Tua putera Dato Wan. Lihat: Rajah 5.

Daripada apa yang telah diperkatakan di atas nyatalah bahwa salsilah-salsilah keturunan Long Yunus dalam keempat-empat sumber sejarah tersebut berbeza sekali, iaitu seperti berikut:

Pertamanya, ialah tentang ayahanda kepada Long Yunus.

Riwayat Kelantan dan "Sejarah" dari Trengganu (karangan Haji Abdullah), mengatakan ayahanda Long Yunus ialah Tuan Long Nik atau Long Senik.

Tetapi Ringkasan Tarikh Kelantan dan Hikayat Seri Kelantan mengatakan ayahanda Long Yunus ialah Long Sulaiman. Adakah Tuan Long Nik atau Long

Nik juga bernama Long Sulaiman ?/ Mengikut salsilah Long Yunus yang diperolehi oleh Tuan Anker Rentse daripada Haji Nik Mahmud (Dato Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan)³²⁾ ayahanda Long Yunus dipanggil Tuan Long Nik atau Long Bahar; dan mengikut Ringkasan Cetra Kelantan³³⁾ karangan Haji Nik Mahmud sendiri. ayahanda Long Yunus dikatakan bernama Tuan Sulaiman atau Tuan Nik atau Long Sulaiman. Jadi jelaslah bahwa ayahanda Long Yunus itu bernama Tuan Long Nik atau Long Nik atau Long Bahar atau Tuan Nik atau Tuan Sulaiman atau Long Sulaiman.

Kedua, ialah perbezaan tentang dato kepada Long Yunus atau ayahanda kepada Long Sulaiman. Mengikut Riwayat Kelantan³⁴⁾ ialah Dato Pengkalan Tua; tetapi mengikut Ringkasan Tarikh Kelantan³⁵⁾ dan Hikayat Seri Kelantan ialah Raja sebuah negeri yang bernama "Kebayat Negara"; dan mengikut "Sejarah" dari Trengganu,³⁶⁾ Anker Rentse³⁷⁾ dan Ringkasan Cetra Kelantan pula ialah Tuan Besar.

Ketiga, ialah perbezaan tentang Dato Pengkalan Tua. Ringkasan Tarikh Kelantan dan Hikayat Seri Kelantan tidak menyebut Dato Pengkalan Tua, tetapi disebut pula oleh Riwayat Kelantan, "Sejarah" dari Trengganu, Anker Rentse dan Ringkasan Cetra Kelantan.

Keempat, ialah perbezaan tentang Dato Wan. Ringkasan Tarikh Kelantan dan Hikayat Seri Kelantan tidak menyebut Dato Wan. Tetapi Riwayat Kelantan, "Sejarah" dari Trengganu, Anker Rentse dan Ringkasan Cetra Kelantan menyebut Rato Wan sebagai ayahanda kepada Dato Pengkalan Tua. Di samping itu, Ringkasan Cetra Kelantan dan Anker Rentse selanjutnya menyebut pula iaitu Dato Wan itu ialah gelaran yang disandang oleh orang yang bernama Wan Nik atau Wan Senik.

3. KETURUNAN DARIPADA RAJA BUGIS

Pendapat yang mengatakan Long Yunus itu berasal dari Keturunan Raja Bugis telah dikemukakan oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail, bekas Monteri Besar Kelantan di zaman pemerintahan Sultan Ismail (1920 - 1944), seperti yang dibentangkan dalam buku Ringkasan Cetra Kelantan yang dikeluarkan oleh beliau, dalam tahun 1934 Masehi.

Mengikut Ringkasan Cetra Kelantan Long Yunus ialah putera Tuan Sulaiman atau Tuan Nik atau Long Sulaiman; Long Sulaiman putera kepada Tuan Besar atau Long Bahar; Long Bahar putera kepada Wan Daim bergelar Dato Pengkalan Tua (Raja Patani); Wan Daim putera kepada Wan Nik bergelar Dato Wan; dan Dato Wan pula putera kepada Endek Pakeh Ali yang berasal dari keturunan anak Raja Bugis Agong Runan. Lihat: Rajah 6.

4. KETURUNAN DARIPADA SYAIKH SAFIUDDIN

Sebuah salsilah yang diperolehi penulis daripada Ustaz Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Daud ³⁸⁾ mengandungi senarai keturunan Syaikh Safiuddin di Patani. Mengikut keterangan Untaz Haji Wan Mahmud, salsilah tersebut telah diperoleh oleh beliau daripada Haji Wan Hassan bin Haji Wan Ahmad salah seorang sepupunya di Kampong Jambu, di Patani (Selatan

Thailand) semasa beliau melawat Patani menziarahi waris-warisnya di sana, kira-kira dalam tahun 1951. Pada masa itu Haji Wan Hassan telah pun berumur 75 tahun. Beliau sendiri tiada dapat memberi keterangan lanjut tentang salsilah itu. Tidak syak lagi bahwa Syaikh Safiuddin yang terkandung dalam salsilah kepunyaan Ustaz Haji Wan Mahmud itu ialah Syaikh Safiuddin yang tersebut dalam buku Sejarah Kerajaan Melayu Patani dan juga buku Hikayat Patani yang disebut oleh T. J. Newbold.³⁹⁾ Mengikut buku-buku sejarah itu, Syaikh Safiuddin itu datang dari negeri Pasai (di Sumatra Timur sekarang). Beliau berhijrah ke negeri Patani kira-kira dalam abad ke-15 Masehi. Pada masa itu negeri Patani diperintah oleh seorang raja Melayu berugama Hindu bernama Raja Antira atau Raja Indera. Syaikh Safiuddin ialah seorang alim dan dukun yang bijak, pandai mengubat berbagai-bagai jenis penyakit. Dengan seban itu penduduk-penduduk dalam negeri Patani sangatlah menghormati dan memuliakan Tuan Syaikh itu. Pada suatu masa Raja Indera itu pun jatuh sakit terkena penyakit kusta, semakin lama semakin teruk penyakitnya itu. Ramai dukun-dukun atau tabib-tabib telah dipanggil mengubati penyakit kusta Raja Patani itu, tetapi tiada juga sembah. Akhirnya Syaikh Safiuddin telah dibawa mengadap Raja Indera oleh seorang pembesar Patani bernama Raja Engku, lalu diubati penyakit Raja Patani itu. Sebelum itu Syaikh Safiuddin menetapkan janji dengan baginda iaitu beliau sanggup mengubati penyakit itu dengan syarat Raja Indera bersetuju memeluk ugama Islam jika penyakitnya itu sembah. Raja Indera menerima janji itu asalkan sahaja penyakit kustanya itu dapat disembuhkan. Setelah diubati, maka beberapa hari kemudian Raja Indera itu pun sembahlah daripada penyakit itu. Lalu baginda pun memeluk ugama Islam dan diIslamkan oleh Syaikh Safiuddin. Sejak dari masa itu maka seluruh rakyat Patani pun memeluk ugama Islam mengikut jejak langkah Raja mereka. Daripada keterangan

ini dapatlah dikatakan bahwa orang-orang Melayu Patani memeluk ugama Islam dalam abad ke-15 Hasehi.

Dengan kehendak Raja Indera, Syaikh Safiuddin dilantik menjadi guru mengajar ugama Islam di dalam istananya, dan dikurnia kepadanya gelaran "Dato Sri Raja Pakeh". Maka Dato Sri Raja Pakeh pun mengajar ugama Islam kepada Raja Indera, kaum kerabat diraja Patani dan orang-orang besurnya sehingga beberapa lama habislah sekalian rakyat Patani memeluk ugama Islam. Pada suatu masa diadakan suatu keramaian di Patani untuk menabalkan Raja Indera itu menjadi sultan, mengikut istiadat secara Islam serta digelarkan baginda "Sultan Muhammad Syah". Kemudian disusuli pula dengan upacara pengurniaan gelaran-gelaran kepada orang-orang besar negeri mengikut sebagaimana gelaran-gelaran yang dipakai di negeri-negeri Melayu iaitu gelaran-gelaran pada pangkat Menteri-menteri, dato-dato dan orang-orang kaya sehingga gelaran-gelaran tersebut itu terlekat beberapa lamanya. Sultan Muhammad Syah ialah Raja Melayu berugama Islam yang pertama sekali di negeri Patani.

Mengikut sulsilah dalam simpanan Ustaz Haji Wan Mahmud itu, keturunan Syaikh Safiuddin tersebut ialah Wan Muhammad bergelar Orang Kaya Sri Akar Di-Raja, iaitu putera kepada Syaikh Safiuddin. Salah seorang putera Wan Ahmad tersebut ialah seorang yang bergelar Dato Long Parat atau Bendahara Tarat, yang mempunyai seorang putera bernama Tuan Varis dan seorang puteri bernama Ika Mas Nanchayang. Lihat: Raja 7.

NEGERI ASAL DATO NENEK LONG YUNUS

Daripada apa yang telah diperkatakan di atas, jelaslah bahwa datuk nenek Long Yunus Kelantan itu berasal dari salah satu tempat atau negeri yang tersebut :-

RAJAH 7

Syaid Safiuddin
(Dato Seri Raja Pakeh)

JURUGAN 24/25
MJD

Raja Dochang
(Bukit Besar Yala) Wan Muhammad
Orang Kaya Seri Akar Di Raja
Maha Menteri (di Kalang)

Long Chang
Baginda Raja Puteri

Tan Chang
Dato Pujud
gelarnya:
Raja Laksamana

Dato Pengkalan Besar
Jering, Wan Jauharal-
lah Bentara Kiri

kaja Saiburi
Raja Sai

Dato Long
Parat
Bendahara

Long Yunus
Yang Di Pertuan
Air Lilih, Gersik.

Wan Teh (Ab Latiff
Long Se Sdi, Setia

Keturunannya Haji
Wan Konok, Kelantan di Klong Takian
Patani

? Anak cucunya
di Tanjung
Tualang
Bunga

Haji Ku Mat
Kampong Gong
Kapas

Tuan Jaris

Raja Nas
Chayang
(Perempuan)

Wan Mohd Salleh

Haji Wan Abdullah

?

Long Tualang

Dato Bandar /
Dato Perang

Mas

Cissi

Iesimri

Aishah

Tuan Kembang

Tuan Kenanga

Dato Pengkalan Tue

ede lagi keturunannya

Dato Pasir

(Perempuan)


Anak saudara Dato Pasir
nama Long Yunus

Catitan:

Salsilah ini didasarkan atas salsilah yang

B.I.P.A.YAR MOOGHUL
o Delhi

GEMBAY



- i) dari sebuah negeri di seberang laut (Mengikut cerita Y.M. Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah dan disebut oleh Anker Rentse dalam JMBRAS, Jilid 12, Bahugian 2, Cgos 1934 di bawah tajuk "History of Kelantan".)
- ii) dari sebuah negeri yang bernama Kebayat Negara atau Kembayat Negara (Mengikut Hikayat Sri Kelantan, Riwayat Kelantan, dan Ringkasan Cetra Kelantan.)
- iii) dari negeri Bugis (Sulawesi Selatan, Indonesia) (Mengikut Ringkasan Cetra Kelantan.)
- iv) dari Pasai, Sumatra (Mengikut salsilah Ustaz Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Daud).

i) Negeri di Seberang Laut

Mengenai pendapat bahwa datok nenek Long Yunus itu datang atau berasal dari sebuah negeri di Seberang Laut, adalah sulit hendak menentukan di manakah letaknya atau apakah nama negeri tersebut. Istilah "seberang laut" mempunyai erti yang luas dan terlalu umum. Umpamanya seberang laut boleh jadi dimaksudkan kepada salah sebuah negeri yang terletak di Semenanjung Indochina di seberang Teluk Siam, ataupun sebuah negeri yang terletak di luar Kelantan (atau di luar Semenanjung Tanah Melayu) seperti Sumatra, Jawa, Kalimantan atau Sulawesi.

ii) Negeri Kebayat Negara (Kembayat Negara)

Apakah nama sebenar negeri "Kebayat" atau "Kembayat", dan di manakah letaknya ?. Bagi menjawab soalan-soalan ini, kita terpaksa membuat 'hypothesis' atau anggapan sahaja dengan ketiadaan sumber-sumber sejarah atau bukti yang nyata dan sah. Dalam penyelidikan dan kajian penulis, nampaknya boleh dikemukakan tiga 'hypothesis' mengenai negara yang bernama 'Kebayat' atau 'Kembayat' itu, iaitulah negeri-negeri

Kemboja, Champa dan Kambay (Cambay).

Pertamanya, 'Kebayat' atau 'Kembayat' boleh dikaitkan dengan negeri Kemboja tua. Patut ditegoskan di sini bahawa perkaitan negeri Kelantan dengan negeri Kemboja memang sudah terjalin sejak beberapa abad yang lampau. Perpindahan atau pengembaraan orang-orang Melayu Kelantan ke negeri Kemboja dan sebaliknya telah berlaku di zaman-zaman lampau. Orang-orang Melayu Kelantan pernah berulang alik ke negeri Kemboja untuk berninga ataupun untuk menjadi guru-guru ugama (Islam) di sana di kalangan orang-orang Cham (Melayu) di sana yang juga termasuk dalam rumpun bangsa Melayu. Bahkan ada di antara orang-orang Melayu Kelantan itu setelah tinggal beberapa lama di Kemboja menetap atau bermustautin di sana. Bukti yang jelas akan adanya pertalian Kelantan dengan Kemboja ialah di Kelantan ada orang-orang yang diberi nama timangan 'Kemboja' umpamanya Haji Wan Hassan Kemboja kerana beliau selalu berulang alik ke Kemboja; dan lagi kuih Kemboja atau kuih Kemoja mengikut sebutan orang-orang Melayu Kelantan, memang terkenal di Kelantan sejak dari dahulu hingga kepada masa sekarang. Sebaliknya pula, sejak dari zaman lampau sehingga kepada masa sekarang ini, terdapat orang-orang Kemboja (atau orang-orang Cham) yang datang ke negeri Kelantan untuk mengaji atau belajar ugama Islam di pondok-pondok dan juga di sekolah-sekolah Arab di dalam negeri Kelantan. Sewaktu penulis sendiri melawat Kemboja (Phnom Penh, Kompong Thom dan Siem Reap) awal tahun 1969, penulis telah bertemu dengan beberapa orang Cham yang mengaku bahwa datok nenek mereka berasal dari negeri Kelantan. Dalam lawatan penulis ke negara Vietnam Selatan (Saigon) dalam masa yang sama, penulis telah juga berjumpa dengan beberapa orang Cham (yang duduk di Chau Duc, iaitu sebuah bandar dekat perbatasan Vietnam Selatan/Kemboja) yang

mengatakan bahwa datok nenek mereka berasal dari Kelantan dan juga dari Trengganu. Demikian serba sedikit contoh atau bukti yang menunjukkan betapa adanya hubungan di antara orang-orang Cham di Kemboja khususnya dengan orang-orang Melayu Kelantan.

Di dalam peta-peta lama, umpamanya peta Semenanjung Indochina dan Asia Tenggara yang dibuat oleh Abraham Ortelius dalam tahun 1549, nama negeri Kemboja dieja 'Camboia' yang boleh pula dieja atau disebut mengikut kaedah ejaan dan sebutan orang-orang Melayu iaitu 'Kemboya' atau 'Kamboya'. Dalam hubungan ini ada kemungkinan bahawa negeri 'Camboia' itu telah dipanggil 'Kembayat' atau 'Kembayah' (កំបាយ) oleh pengembara-pengembara/pedagang-pedagang Arab yang selalu berulang alik di kawasan Asia Tenggara di zaman-zaman yang lalu. Mungkin pula orang-orang Melayu telah mengambil nama negeri itu mengikut sebutan orang-orang Arab tersebut dan menyebutnya mengikut kaedah sebutan dan ejaan Melayu iaitu 'Kembayat' atau 'Kambayat' atau ringkasnya 'Kebayat' atau 'Kabayat'.

Raja-raja negeri Kemboja zaman berzaman adalah berugama Buddha. Tetapi mengikut sejarah, ugama Islam pernah juga tersebar di negara itu di dalam abad ke-17, atau lebih awal lagi dari tarikh itu. Tersebut dalam sejarah⁴⁰⁾ bahwa kira-kira dalam tahun 1624 Masehi, seorang anak Raja Kemboja bernama Prah Ram, telah merampas takhta negara itu dengan bantuan orang-orang Cham (Melayu) serta menggelarkan dirinya Ramadhipati (Reameathipdei). Kemudian baginda beristerikan seorang permaisuri bangsa Cham dan setelah itu baginda sendiri memeluk ugama Islam, walaupun kebanyakan orang-orang Kemboja atau rakyatnya pada masa itu berugama Buddha. Orang-orang Kemboja yang berugama Buddha itu menentang rajanya yang berugama Islam dan penasihat-penasihatnya kebanyakannya terdiri

dari pada orang-orang Cham dan Jawa. Dengan dipelupuri oleh dua orang anak raja Kemboja yang lain (berugama Buddha) orang-orang Kemboja itu berkomplot terhadap Pamadhipati. Mereka meminta bantuan orang-orang Vietnam. Tiada lama berselang iaitu dalam tahun 1658 orang-orang Vietnam menyerang Kemboja dan Raja Kemboja yang berugama Islam itu (Prah Ram) serta isterinya telah dapat ditawan lalu dibawa oleh mereka ke Kochin China (Vietnam) dalam kurungan (sangkar) besi. Mungkinkah salah seorang dari pada anak Raja Kemboja tersebut telah dapat melepaskan diri dan lari ke negeri Patani atau ke Kelantan, dan dari pada keturunannya muncul Long Yunus Kelantan itu ?

Keduanya, 'Kebayat' atau 'Kembayat' boleh pula dikaitkan dengan Champa iaitu sebuah negeri Nelayu tuan yang pada suatu masa dahulu terletak di pesisir Semenanjung Indochina iaitu di kawasan di antara bandar Hue dengan bandar Phan Rang (Pandurauga) di Vietnam Selatan sekarang. Penduduk asli Champa dipanggil orang-orang Cham. Negeri Champa mula wujud dalam abad pertama Masehi dan berakhir kira-kira dalam abad ke-18 Masehi setelah daerah terakhir Champa dijadikan sebahagian daripada negeri Annam atau Vietnam.

'Syair Siti Zubaidah Perang China' ada menyebut bahawa sebuah negeri bernama 'Kembayat Negara' diperintah oleh seorang taja bernama Sultan Darman Syah. Baginda mempunyai seorang putera bernama Zainal Abidin yang kemudian bergelar Sultan Zainal Abidin Syah. 'Syair' ini menceritakan bahawa pada suatu masa negeri Kembayat Negara itu diserang oleh orang-orang China, tetapi bilakah serangan itu berlaku tidaklah diketahui.

Ketiganya, 'Kebayat' atau 'Kembayat' boleh juga dikaitkan dengan 'Cambay' yang terletak di negeri Gujerat di baratdaya benua India,

Negeri Gujerat asalnya diperintah oleh raja-raja yang berugama Hindu. Kemudian pada tahun 1297 Masehi, raja-raja Hindu itu telah dikalahkan oleh orang-orang Islam, dan dari sejak itu bermulalah puluh pemerintahan raja-raja yang berugama Islam di negeri itu. Di zaman lampau orang-orang Islam Gujerat adalah ahli perniagaan (pedagang) dan pelayaran yang terkenal, dan mereka selalu datang berniaga di Sumatra Utara, dan kawasan-kawasan lain di Gugusan Pulau-pulau Melayu. Setengah ahli-ahli sejarah berpendapat bahwa ugama Islam yang tersebar di Gugusan Pulau-pulau Melayu pada mulanya dibawa oleh pedagang-pedagang yang berasal dari negeri Gujerat yang tersebut.⁴¹⁾ Banyak batu-batu nesan makam-makam diraja di kepulauan Melayu, seperti di Gresik (Jawa) dan di Pasai (Sumatra) adalah diperbuat dan didatangkan dari bandar Cambay di negeri Gujerat.⁴²⁾ Mengikut satu sumber sejarah 'Cambay' di negeri Gujerat itu disebut juga 'Kembayat'.⁴³⁾ Sepanjang yang diketahui oleh penulis inilah pertama kali 'Kembayat' itu dikaitkan secara langsung dengan bandar/pelabuhan 'Cambay' di Gujerat itu.

Mungkinkah salah seorang daripada anak atau keluarga Raja negeri Cambay itu telah meninggalkan 'Cambay' (Kembayat) mengembara membawa diri ke Patani atau Kelantan dan daripadanya lahir akhirnya muncul keturunan Long Yunus Kelantan?

iii) Negeri Bugis (Sulawesi)

Mengenai salsilah Long Yunus keturunan dari Pakeh Ali anak raja Bugis, seperti yang dikemukakan oleh Haji Nik Mahmud itu, patut disebut di sini, iaitu walaupun salsilah itu telah dipersetujui oleh kerabat Diraja Kelantan dalam tahun 1932, namun ada di antara mereka terutama sekali kerabat-kerabat diraja yang tua-tua pada masa itu, tidak menganggap salsilah itu sebagai sesuatu yang maktamah dan betul.

dalam ertikata yang sebenarnya.⁴⁴⁾ Jelaslah bahwa salsilah ini perlu diselidiki lebih mendalam lagi.

Setakat yang diketahui oleh penulis dengan berpandukan kepada beberapa sumber-sumber sejarah yang dapat diselidiki belum dijumpai lagi nama Pakeh Ali anak raja Bugis yang dimaksudkan oleh buku sejarah 'Ringkas Cerita Kelantan', karangan Haji Nik Mahmud itu. Dalam Tuhfat al-Nafis atau Sejarah Melayu Riau dan Johor⁴⁵⁾ ada tersebut bahwa anak raja Bugis yang pernah meninggalkan tanah Bugis (Sulawesi Selatan) mengembara ke sebelah barat ke tanah Johor dan lain-lain tempat di Semenanjung Tanah Melayu seperti Selangor, Singapura, Kedah, Trengganu dan Pahang ialah Upu Tanderi Borang Daing Rilaka dan anak-anaknya yang berlima iaitu Upu Daing Perani, Upu Daing Penambun, Upu Daing Merewah, Upu Daing Celak, Upu Daing Kemasi dan Datu Riau Tha (perempuan). Adapun Upu Tanderi Borang Daing Rilaka itu ialah anak laki-laki kepada Upu Lamdusala salah seorang anak cucu raja perempuan Bugis bernama Sat Melangkai yang menjadi raja negeri Luwo di tanah Bugis. Upu Lamdusala ialah raja Bugis yang pertama sekali yang mula-mula memeluk ugama Islam. Mengikut Tuhfat al-Nafis lagi dikatakan bahwa raja-raja Melayu di negeri-negeri Sambas Pontianak dan Brunei (Kalimantan); Riau dan Lingga (Kepulauan Riau dan Lingga); Siak dan Jambi (Sumatra); Singapura, Johor, Selangor, Kedah, Pahang dan Trengganu (Semenanjung Tanah Melayu) adalah keturunan, atau mempunyai perlatian darah, daripada anak cucu Upu Tanderi Borang Daing Rilaka yang tersebut.

Mengikut satu sumber⁴⁶⁾ yang lain pula dikatakan bahwa Long Yunus Kelantan itu ialah keturunan daripada Upu Daing Perani.

iv) Keturunan Syaikh Safiuddin Pasai

Di samping kemungkinan-kemungkinan yang tersebut di atas ada lagi satu kemungkinan iaitu datuk nenek Long Yunus itu barangkali juga berasal dari negeri Pasai (Sumatra) iaitu keturunan dari Syaikh Safiuddin yang berhijrah ke negeri Patani dalam abad ke-15 Masehi, seperti yang telah diperkatakan dalam rencana ini.

PENUTUP KATA

Daripada apa yang telah diperkatakan dalam rencana ini, ternyata bahwa salsilah datuk nenek Long Yunus sungguh mengelirukan. Ini adalah menghairankan sekali kerana Long Yunus mangkat kira-kira 180 tahun yang lalu sahaja. Apa yang dapat dikatakan di sini ialah bahwa Long Yunus atau ayahandanya datang dari negeri Patani, sebagaimana yang dibuktikan oleh kebanyakan sumber sejarah yang dapat dikaji oleh penulis. Hanya sumber sejarah yang bernama Ringkasan Tarikh Kelantan (susunan Osman bin Yusof, bekas Mendahari Raja Dewa atau 'Tengku Zainal Abidin bin Tuan Long Senik') sahaja yang menyebut bahawa dato dan ayahanda Long Yunus iaitu Raja Kebayat atau puteranya yang bernama Long Sulaiman, datang ke Kelantan terus dari negeri Kebayat.

Tentang negeri asal dato nenek Long Yunus, jelaslah bahwa sumber-sumber sejarah yang ada itu tidak sependapat atau tidak sekata. Dari sumber-sumber sejarah itu kita bersua dengan tiga buah tempat atau negeri iaitu Kebayat atau Kembayat Negara, Pasai, (Sumatra) dan Bugis (Sulawesi Selatan). Hubungan negeri kelantan (atau negara-negara tua di Kelantan) dengan ketiga-tiga tempat/negeri itu memang ada sejak dari zaman silam. Tetapi dari bukti-bukti yang ada nampaknya Kelantan lebih rapat lagi hubungannya dengan kawasan Semenanjung Indochina,

termasuk negara Siam.

Koleksi naskah-naskah di Perpustakaan Negara (vi)

Pada pendapat penulis sendiri, ada kemungkinan bahwa dato nenek Long Yunus itu berasal dari negeri Champa, melalui negeri Kemboja dan negeri Patani. Bahkan dapat juga dikatakan bahwa orang-orang Melayu Kelantan (termasuk juga orang-orang Melayu Patani dan Trengganu) berasal dari negeri Champa. Sayugia ditegaskan di sini iaitu negara Champa pada suatu masa dahulu merupakan sebuah negara Melayu yang masyhur dan agung di Semenanjung Indochina. Rakyat atau penduduk asli negara Champa dinamakan orang-orang Cham, juga dari rumpun bangsa Melayu yang berasal dari selatan negeri Cina. Sejarah negara Champa tidak banyak diketahui orang. Negara Champa wujud selama kira-kira 1500 tahun dan tamat sejarahnya pada akhir abad ke-18 Masehi apabila sisa negara Champa itu dirampas oleh orang-orang Vietnam. Orang-orang Cham terpaksa melarikan diri ke negara Kemboja di mana sekarang masih terdapat lebih kurang setengah juta orang Cham, semuanya berugama Islam. Di Vietnam Selatan sekarang masih terdapat orang-orang Cham seramai kira-kira 200,000 orang, separuh daripadanya berugama Islam, sedangkan yang baki lagi itu berugama Buddha dan animis. Mengikut sejarah, orang-orang Cham memeluk ugama Islam kira-kira dalam abad ke-11 Masehi⁴⁷⁾ atau mungkin lebih awal lagi dari tarikh itu.

Orang-orang Cham ini adalah bangsa pengembara oleh kerana negaranya yang selalu mengalami perperangan akibah serangan-serangan negara-negara jiran Champa di zaman-zaman lampau seperti negara Vietnam dan Kemboja. Satu-satunya tempat atau kawasan yang dituju oleh mereka ialah pantai timur Semenanjung Tanah Melayu di mana muncul negara-negara Patani, Kelantan dan trengganu. Kedudukan geografis Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu sangat berdekatan dengan negara Kemboja dan Vietnam,

hanya diasingkan oleh Telok Siam. Lihat peta: Rajah 8.

Orang-orang Cham (Melayu) di negeri Kemboja (sekarang dipanggil negara Republik Khmer), seramai lebih kurang setengah juta itu banyak mempunyai persamaan dengan orang-orang Melayu Kelantan (dan juga orang-orang Melayu Patani dan Trengganu), dari segi rupa paras, nama-nama mereka, bentuk rumah-rumah kediaman mereka, gaya pakaian mereka, dan juga dari segi adat resam dan bahasa pertuturan mereka. Setahu penulis belum ada cerdik pandai bangsa kita, khususnya ahli-ahli bahasa dan sejarah, yang telah membuat penyelidikan dan kajian tentang sejarah dan bahasa orang-orang Cham yang ada di Kemboja dan Vietnam Selatan.

Mengikut cerita orang tua-tua Kelantan, nama asal Kampung (Pengkalan) Chepa ialah Kampung Champa iaitu satu perkampungan orang-orang Melayu yang datang dari Champa, di zaman silam. Jika ini benar, maka ia merupakan satu bukti bahawa pertalian/perhubungan di antara orang-orang Cham dengan Kelantan memang sudah ada sejak dari zaman lampau lagi.

Dengan ini selesailah kajian ini dan penulis mengharap rencana ini akan menambahkan pengetahuan kita sekalian tentang asal usul Long Yunus. Penulis juga mengharap rencana ini akan merintis jalan bagi ahli-ahli sejarah, khususnya peminat-peminat sejarah Kelantan untuk membuat penyelidikan-penyelidikan selanjutnya mudah-mudahan akan diketemukan bukti-bukti baru dan dengan ini dapatlah dipastikan asal keturunan Long Yunus dan negeri asal mereka.

CATITAN

- 1) Tarikh Long Yunus menaiki takhta Kelantan tiada diketahui dengan tepat dan sah. Ringkasan Cetra Kelantan (Haji Nik Mahmud) mengatakan Long Yunus menjadi pemerintah negeri Kelantan dalam tahun 1176 Hijrah (=1762 Masehi) (mukasurat 27); History of Kelantan (Anker Rentse) menyebut demikian: 'Tahun Long Yunus ditabalkan menjadi raja tiada diketahui, tetapi barangkali zaman pemerintahannya bermula kira-kira pada tahun 1775 Masehi.' (JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1934, mukasurat 57); 'Notes on the Old Cannon found ini Malaya, and known to be of Dutch origin' (C.A. Gibson-Hill) mengatakan Long Yunus telah ditabalkan sebagai Raja Pemerintah Kelantan kira-kira dalam tahun 1775. (JMBRAS, Jilid 26, Bahagian 1, Julai 1953, mukasurat 156). Untuk maksud rencana ini pertabalan Long Yunus dianggap dalam tahun 1775.
- 2) : i) Long Yunus bin Long Sulaiman, bergelar Yang Di Pertuan Kelantan: 1775 - 1794.
- ii) Tengku Muhammad bin Tuan Dalam (Sultan Mansur I, Trengganu) bergelar Yam Tuan atau Yang Di Pertuan Kelantan: 1794 - 1800. Tengku Muhammad ini ialah menantu Long Yunus.
- iii) Long Muhammad bin Long Yunus, bergelar Sultan Muhammad I: 1800 - 1837. Baginda terkenal juga dengan gelaran timang-timangan 'Marhum Mandul' dengan sebab tiada mempunyai putera atau puteri.
- iv) Long Jenal (Zainal) bin Long Yunus, bergelar Yang Di Pertuan Kelantan: 1837 - 1838.
- v) Long Senik bin Long Tan, bergelar Yang Di Pertuan Kelantan: 1838 - 1886. Baginda terkenal juga dengan nama Long Senik Kampung Sirih atau Long Senik Mulut Merah. Baginda dipanggil juga Sultan Muhammad II atau Sultan Mulut Merah. Setelah mangkat ada kalanya digelar Marhum Tua.
- vi) Long Sulung bin Long Senik, bergelar Sultan Ahmad: 1886 - 1889. Baginda dikenali juga dengan nama Long Ahmad atau Long Sulung Ahmad. Setelah mangkat digelarkan Sultan Tengah atau Marhum Tengah.
- vii) Long Kundur bin Long Sulung (Long Ahmad), bergelar Sultan: 1889 - 1890. Baginda dikenali juga dengan nama Raja Bendahara atau Sultan Muhammad III, atau Sultan Bongsu atau Marhum Bongsu.

viii) Long Mansur bin Long Sulung (Long Ahmad), bergelar Raja Kelantan (1890 - 1898), dan Sultan (1898 - 1900). Baginda terkenal juga dengan nama Sultan Mansur.

ix) Long Senik bin Long Kundur, bergelar Raja Kelantan (1900 - 1911) dan Sultan (1911 - 1920). Baginda lebih terkenal dengan gelaran Sultan Muhammad IV.

x) Tengku Ismail bin Long Senik, bergelar Sultan Ismail: 1920 - 1944.

xi) Tengku Ibrahim bin Long Senik, bergelar Sultan Ibrahim: 1944 - 1960.

xii) Tengku Yahya Petra bin Tengku Ibrahim, bergelar Sultan Yahya Petra: 1960 - .

Pada masa Long Yunus mula-mula datang menyerang dan menakluki Kelantan di sekitar tahun 1775, Kampung Kota Lama yang ada sek sekarang ini dipanggil Kampung Che Bu, mengikut Ringkasan Cetra Kelantan (Haji Nik Mahmud) mukasurat 27.

Kelantan (A.A. Graham) mukasurat 36.

ibid. mukasurat 37.

Diceritakan oleh Y.M. Tengku Khalid bin Tengku Chik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara) kepada Anker Rentse. Lihat keterangan lanjut dalam History of Kelantan (Anker Rentse), JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1934, mukasurat 49 - 53.

Y.M. Tengku Khalid bin Tengku Chik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara) telah meninggal dunia pada awal tahun 1965. Beliau adalah satu-satunya pakar sejarah Kelantan.

History of Kelantan (Anker Rentse) dalam JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1934, mukasurat 49 - 53. Tuan Anker Rentse ialah bekas seorang pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di negeri Kelantan sejak dari awal tahun-tahun tiga puluhan hingga kepada tahun 1948. Beliau telah banyak menulis rencana-rencana berkaitan dengan negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu (Patani, Kelantan dan Trengganu) dan disiar-kan dalam JMBRAS. Tuan Anker Rentse meninggal dunia dalam tahun 1948 dalam kemalangan kapalterbang di Ulu Kelantan.

Cerita yang diperkatakan di sini telah direngkaskan oleh penulis dan babak-babak berunsur dongeng telah sengaja ditinggalkan.

- 10) Mengikut cerita asal, apabila kapal itu pecah dan karam dipukul ribut, putera Raja itu telah diselamatkan oleh seekor ikan kacang (ikan alu-alu). Ikan itu membawa putera Raja itu ke pantai.
- 11) Mengikut cerita asal, semasa putera Raja itu sampai di pantai, penduduk-penduduk atau rakyat negeri itu sedang berkumpul di tempat itu untuk melantik seorang Raja yang baharu. Adapun adat resam negeri itu, apabila raja mangkat dengan tidak meninggalkan putera atau puteri, maka dibawa seekor gajah sakti untuk memilih salah seorang daripada rakyat yang berhimpun itu menjadi Raja negeri, dan barang siapa yang disentuh oleh belalai gajah itu, tidak kira sama ada orang itu tua atau muda, miskin atau kaya, akan ditabalkan menjadi Raja negeri itu. Apabila gajah sakti dibawa, ia terus menuju ke tepi pantai lalu mengangkat putera Raja yang dibawa ke darat oleh ikan kacang itu. Maka putera Raja dari seberang laut itupun ditabalkan menjadi Raja dengan gelaran 'Raja di pantai ni.' 'Pantai ni' bererti 'Pantai Ini'. Itulah asal nama negeri Patani itu.
- 12) Kitab Geography Semenanjung Negeri Kelantan (Haji Nik Mahmud) menyebut iaitu nama asal negeri Kelantan ialah dari perkataan 'Kilatan' (mukasurat 24.) Tetapi A.S. Haynes dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the year 1932 mengatakan nama 'Kelam Hutan'. (mukasurat 2); dan Gerini dalam Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asia, mengatakan nama 'Kelantan' berasal dari perkataan-perkataan 'Kolam Tanah' yang lama kelamaan disebut Kolantam, Kalantan dan akhirnya Kelantan. (mukasurat 105 - 106).
- 13) Mengikut sejarah, orang-orang Siam melanggar Patani pertama kali-nya pada tahun 1603 Masehi. Pada masa itu negeri Patani diperintah oleh Raja Hijau (perempuan) yang digelar oleh orang-orang Siam sebagai Phra-Nang Chao Yang atau Nang Chayang mengikut sebutan orang-orang Melayu. Lihat: Sejarah Kerajaan Melayu Patani (Ibrahim Shukri) mukasurat 50.
- 14) Salsilah atau keturunan keluarga Sultan Muhammad ini tiada diketahui, sungguhpun mengikut cerita ini, baginda berasal dari keturunan anak Raja dari Seberang laut. Mengikut sejarah-sejarah tempatan iaitu Ringkasan Cetra Kelantan (Haji Nik Mahmud), Cetra Kelantan (buku cenderamata), dan Tuhfat al-Nafis pada masa itu (iaitu disekitar tahun 1603 Masehi) negeri Kelantan diperintah oleh Raja Hussin dari Johor.
- 15) Gelaran 'Long' ini dipakai juga oleh kerabat diraja Kubang Labu dan kerabat diraja Long Yunus dan keturunannya. Kerabat diraja Jembal nampaknya tidak menggunakan gelaran 'Long'. Gelaran 'Nai' nampaknya lama kelamaan menjadi 'Neng' atau 'Nang' umpamanya Nang Rumek, pengarang Syair Musuh Kelantan yang dipercayai terkarang di sekitar tahun 1850 Masehi.

- 6) Dari sejarah-sejarah tempatan yang dikaji oleh penulis hanya buku Ringkasan Cetra Kelantan karangan Haji Nik Mahmud dan Sejarah Kelantan oleh Asaad Shukri sahaja yang menyebut dengan lanjut tentang kerajaan Jembal dan keturunan raja-rajanya. Sumber-sumber sejarah tempatan lain tidak menyebut riwayat kerajaan Jembal ini.
- 7) Sejarah lanjutan mengenai negeri atau Kerajaan di Kubang Labu dan salsilah raja-rajanya tidak diketahui dengan lengkap dan jelas.
- 8) Tetapi mengikut Ringkasan Cetra Kelantan (Haji Nik Mahmud) kain ikat pinggang itu dippunyai oleh Long Gaafar dan dipinjamkan olehnya kepada isteri Raja Kubang Labu iaitu Long Muhammad kakanda Long Pandak.
- 9) Kota Pasir Mas ialah Kota Tanjong Mas yang terletak dalam wilayah Narathiwat, Selatan Thailand sekarang.
- 10) Reman terletak dalam wilayah Yala, Selatan Thailand sekarang. Reman dipanggil juga Kota Bharu (Kota Bharu Reman).
- 11) Negeri Legeh (Tanjong Mas) sekarang termasuk dalam wilayah Narathiwat, Selatan Thailand.
- 12) Singgora sekarang dipanggil Songkhla oleh orang-orang Thai (Siam).
- 13) Di sekitar kawasan Istana Kota Lama sekarang.
- 14) Makam-makam itu terletak di tepi sungai di Kampong Gajah Mati, Kota Bharu. Mungkin sekarang telah roboh ke dalam Sungai Kelantan.
- 15) Mengikut cerita asal Long Yunus dan Long Gaafar telah menyelamatkan negeri Trengganu apabila menang belaga (sabung) ayam dengan orang-orang Bugis yang telah bertaruh dengan orang-orang Trengganu. Mengikut pertaruhan itu (yang dipersetujui oleh orang-orang Bugis dan orang-orang Trengganu) jika orang-orang Bugis menang, separuh negeri Trengganu akan diberi atau diserahkan kepada mereka oleh orang-orang Trengganu; dan sekiranya menang orang-orang Trengganu, tujuh buah kapal Bugis akan diserahkan kepada mereka oleh orang-orang Bugis itu. Oleh kerana tidak ada ayam orang-orang Trengganu yang boleh berlawan dengan ayam orang-orang Bugis itu, maka Long Yunus dan Long Gaafar telah membawa ayam mereka untuk dipelagakan melawan ayam orang-orang Bugis itu. Akhirnya ayam Long Yunus dan Long Gaafar telah mengalahkan ayam orang-orang Bugis itu. Sebagai menyatakan kegembiraannya dan juga sebagai membala budi, maka Sultan Trengganu bersetuju (apabila dipohonkan oleh Long Yunus) membantu Long Yunus menyerang negeri Kelantan. Cerita ini disebut oleh Hikayat Sri Kelantan dan juga oleh Ringkasan Cetra Kelantan (Haji Nik Mahmud) mukasurat 23 - 24.

seorang pemerintah lain pula yang berkuasa (di negeri Kelantan), bernama Long Bahar. Tetapi tiada berapa lama ianya dibunuh oleh seorang ketua bernama Long Derahman. Maka anak Long Bahar pun (yang bernama Long Yunus) melarikan diri ke Trengganu, duduk di Bukit Dato, kemudian pindah ke Losong. Long Yunus ini dikatakan menjadi menantu kepada Raja Kubang Labu Kelantan. Menurut cerita adalah dikatakan mula-mulanya ada pergaduhan di antara Raja Kubang Labu Kelantan dengan Long Derahman Raja Legeh kakak ipar Long Yunus (Raja Kubang Labu itu mertua Long Derahman juga). Pergaduhan itu dimenangi oleh Long Derahman, dan menyebabkan Long Yunus itu melarikan dirinya. Oleh kerana jasanya Long Yunus itu membuat perdamaian antara Engku Tena Wangsa dengan Bendahara Hussin Bukit Puteri, maka Engku Tena Wangsa telah mengambilnya (Long Yunus) menjadi menantu, dikahwin dengan puterinya bernama Tuan Che Jumat. Akan Long Yunus pun mengadukan kepada mertuanya hal ehwal negeri Kelantan itu seraya meminta pertolongan dan bantuannya. Sedang kira bicara dan perundingan berjalan tiba-tiba Engku Tena Wangsa meninggal dunia dengan meninggal empat orang putera iaitu Tun Mutahir Temenggung, Engku Muda, Tun Jamal dan Tun Sulaiman. Maka mengulangi semula Long Yunus meminta bantuan daripada Temenggung.

Hatta bermesyuaratlah empat bersaudara itu serta mendapat suatu kesimpulan. Dan Temenggung Tun Tahir pun mengadap Sultan Mansur (Sultan Trengganu) memohon kebenaran hendak menolong Long Yunus melanggar Kelantan. Permintaan itu dipersetujukan. (mukasurat 29 - 30).

- 28) Hikayat Sri Kelantan telah ditulis dalam tahun 1914 Masehi. Pengarangnya yang sebenar tiada diketahui.
- 29) Long Yunus dihalau, disebabkan Raja Patani jatuh sakit dan mengikut ahli nujum selagi Long Yunus berada dalam istana atau dalam negeri Patani, penyakit baginda tidak akan sembuh.
- 30) Riwayat Kelantan dikarang oleh Asaad Shukri bin Haji Muda, kira-kira dalam tahun 1930 Masehi.
- 31) A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan oleh Haji Abdullah Trengganu, diperkatakan oleh H. Marriot dalam JSBRAS, Bilangan 72, Mei 1916.
- 32) History of Kelantan oleh Anker Rentse dalam JMRS, Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1934, mukasurat 49 dan 62.
- 33) Ringkasan Cetra Kelantan oleh Haji Nik Mahmud, mukasurat 18.
- 34) Riwayat Kelantan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda.
- 35) Ringkasan Tarikh Kelantan, oleh Osman bin Yusof.
- 36) A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan, Haji Abdullah Trengganu diperkatakan oleh H. Marriot dalam JMRS, Bilangan 72, Mei 1916.

- 37) History of Kelantan, Anker Rentse dalam JMBRAS, Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1934, mukasurat 49 dan 62.
- 38) Ustaz Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Daud berumur lebih kurang 55 tahun, ialah seorang guru ugama di sekolah 'Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan. Beliau tinggal di Jalan Kebun Sultan, Kota Bharu.
- 39) Political and Statistical Account of British Settlements in the Straits of Malacca oleh T.J. Newbold, (London, 1839) Jilid 2, mukasurat 67 - 71. Dan juga The Thai Version of Newbold's Hikayat Patani oleh David K. Wyatt, dalam JMBRAS, Jilid XI, Bahagian 2, Disember 1967 (No: 212), mukasurat 16 - 37.
- 40) Disebut oleh S.Q. Fatimi dalam Islam Comes to Malaysia (1963), mukasurat 58 - 59. Juga disebut dalam The Making of South East Asia (1966) oleh G. Coedes, mukasurat 198.
- +1) D.G.E. Hall, A History of South-East Asia, edisi ketiga, 1968, mukasurat 71; Brian Harrison, South-East Asia - A Short History, edisi kedua, 1963, mukasurat 43 - 44.
- 2) Brian Harrison, South-East Asia - A Short History, edisi kedua, 1963, mukasurat 52.
- 3) Prof. Dr Slamet Muljana, Runtuhnya Kerajaan Hindu-Djawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara, Djakarta, 1968, mukasurat 134.
- +4) History of Kelantan oleh Anker Kentse dalam JMBRAS, Jilid XII, Bahagian 2, Ogos 1934, mukasurat 60 menyebut demikian: 'Adapun salsilah keturunan kerabat di raja (Kelantan) sekarang telah disusun mengikut maklumat-maklumat yang diperolehi daripada berbagai sumber dalam masa tiga tahun yang lalu, tetapi terutamanya ialah dengan bantuan Dato Perdana Menteri Paduka Raja. Salsilah itu telah dipersetujui (disahkan) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan (Sultan Ismail) dan juga kerabat negeri dalam bulan Oktober 1932. Salsilah itu bermula daripada Long Yunus. Zaman-zaman pemerintahan sebelumnya diketahui sedikit-sedikit sahaja oleh kerana tidak boleh didapati sumber-sumber yang boleh dipercayai sehingga sekarang. Dato nenek yang tersebut dalam salsilah Andek Ali yang disusun oleh Dato Perdana Menteri Paduka Raja itu, tidak diterima oleh beberapa kerabat di raja yang tua-tua dan perlu dikaji lagi. Lihat juga A History of Malaya oleh R.O. Winstedt, edisi ketiga (semakan) tahun 1962, mukasurat 144 - 155.
-) Tuhfat Al-Nafis dalam JMBRAS, Jilid X, Bahagian 2, Tahun 1932, mukasurat 13 - 22.

Salsilah itu telah diriwayatkan kepada penulis oleh Y.M. Tengku Abdullah menantu Tengku Sri Asmara Raja (Tengku Long Abdul Rahman bin Sultan Ahmad) Kelantan. Kebenaran salsilah ini belum dapat disahkan oleh penulis. Salsilah ini nampaknya berlainan dan bertelingkahan dengan salsilah yang tersebut dalam Tuhfat Al-Nafis.

- 47) Disebut oleh S.Q. Fatimi dalam Islam Comes to Malaysia (1963) mukasurat 42 - 57.

SUMBER-SUMBER KAJIAN

SUMBER-SUMBER KAJIAN

1. Ringkasan Cetra Kelantan
oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail,
Al-Matbaah Al-Asasiah Company,
Kota Bharu, Kelantan, 1934.
2. History of Kelantan
oleh Anker Rentse, dalam
Journal Malayan Branch of the
Royal Asiatic Society (JMBRAS),
Jilid 12, Bahagian 2, Ogos 1953.
3. Notes on old cannons found in
Malaya, and known to be of Dutch Origin
oleh C.A. Gibson-Hill, dalam JMBRAS,
Jilid 26, Bahagian 1, Julai 1953.
4. Kelantan: A State of the Malay Peninsula
oleh W.A. Graham,
Glasgow: James Maclehose & Sons, 1908.
5. Kitab Geography Semenanjung Negeri
Kelantan.
oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail,
Kota Bharu, Kelantan, 1930 (?).
6. Annual Report on the Social and Economic
Progress of the People of Kelantan for
the year 1932
oleh A.S. Haynes,
Kuala Lumpur, 1933.
7. Researches on Ptolemy's Geography
of Eastern Asia
oleh Gerini,
London, 1909.
8. Sejarah Kerajaan Melayu Patani
oleh Ibrahim Shukri,
Matbaah Majlis Ugama Islam,
Kota Bharu, Kelantan, 1961.
9. Cetra Kelantan
satu rencana dalam buku cenderamata yang
diterbitkan oleh kerajaan Kelantan sempena
pertabalan D.Y.M.M. Tuanku Sultan Yahya
Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim dan
D.Y.M.M. Tengku Zainab binti Tengku Muha-
mmad Petra sebagai Sultan dan Raja Perempuan
Kelantan pada 17-21 Julai 1961. Printcraft
Limited, Kuala Lumpur, 1961.

6/4/78

10. Tuhfat Al-Nafis dalam JMBRAS, Jilid 10, Bahagian 2, Tahun 1932.
11. Sejarah Kelantan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1962.
12. Hikayat Seri Kelantan (manuscript jawi - tidak bercetak) disusun dalam tahun 1914.
13. Mengkaji Sejarah Trengganu oleh Haji Mohd Salleh bin Haji Awang (MASBAA), Jilid 2, Kuala Trengganu, 1955.
14. Riwayat Kelantan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda, disiar dalam 15 siri dalam majallah 'Kencana', Darul Haarif, Kota Bharu, Kelantan 1930-31.
15. Ringkasan Tarikh Kelantan (manuscript jawi - tidak bercetak) oleh Osman bin Yusof, bekas Mendahari Raja Dewa (Tengku Zainal Abidin bin Tuan Long Senik). Disusun kira-kira dalam tahun 1927/30 (?).
16. A Fragment of the history of Trengganu and Kelantan oleh Haji Abdullah Trengganu, diperkatakan oleh H. Marriot dalam Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS), Bilangan 72, tahun 1916.
17. Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca oleh T.J. Newbold, Jilid 2, London, 1839.
18. A Thai Version of Newbold's Hikayat Patani oleh David K. Wyatt, dalam JMBRAS, Jilid 11, Bahagian 2, Disember 1967 (No. 212).
19. Islam Comes to Malaysia oleh S.Q. Fatimi, Malaya Publishing House, Singapore, 1963.



20. The Making of Southeast Asia
oleh G. Coedes,
Routledge & Kegan Paul,
London, 1966.
21. A History of Southeast Asia
oleh D.G.E. Hall, edisi ke-3,
MacMillan & Co. Ltd.,
London, 1963.
22. Southeast Asia: A Short History
oleh Brian Harrison,
edisi ke-2,
MacMillan & Co. Ltd.,
London, 1963.
23. Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa
Dan Timbulnya Negara-negara
Islam di Nusantara
oleh Prof. Dr. Slamet Mulyana,
Jakarta, 1968.

dr. ab rahman al ahmadi

CERITA RADEN PANJI:

MEMANDAKAN ADANYA HUBUNGAN BERSEJARAH ANTARA KELANTAN - JAWA

Hubungan Tanah Jawa dengan negeri Kelantan sudah lama terjalin; tidaklah dapat dipastikan bilakah hubungan itu bermula. Tetapi dari beberapa peristiwa dapatlah dikira-kirakan bahwa hubungan itu telah berlangsung dalam waktu yang sangat lama dan terjadi berturut-turut. Kalau dikaji letak geography antara kedua tempat ini, Kelantan-Jawa amatlah berjauhan dibandingkan dengan daerah-daerah lain di pantai Barat Semenanjung; letak Kelantan jauh ke timur, tetapi hubungan Kelantan-Jawa amat dirasakan di zaman dahulu. Keganjilan dalam hubungan ini mungkin dapat dicari jejaknya bilan dipelajari sejarah hubungan antara konsep Pamalayu Kartanagara¹⁾ dan hubungan Majapahit-Champa²⁾, di mana kita dapati letak Kelantan di Pantai Timur memegang peranan penting dalam menghubungkan kedua-dua tempat itu iaitu Jawa dan Champa.

Tidaklah aneh kalau nendak dikatakan bahwa peranan Kelantan di masa yang lampau dalam sejarah Nusantara ini. Prof. Dr Moen³⁾ ada menyatakan bahwa Srivijaya Pertama adalah terletak di Kelantan, maka dari keterangan ini sekurang-kurangnya membolehkan kita memahami bahwa hubungan Kelantan - Jawa tidak hanya terjalin di zaman Majapahit semata, tetapi jauh sebelumnya, mungkin di zaman perpaduan Srivijaya-

Sailandra⁴⁾, kemudian dilanjutkan di zaman Kediri dan Majapahit.

Banyak hal yang menarik perhatian dalam mencari hubungan ini; adanya unsur ceritera Panji yang hidup di zaman Kediri⁵⁾, Jawa Timur, dalam ceritera Makyung Kelantan dengan ceritera Dewa Muda⁶⁾, Inao di Siam dan Eynao di Kemboja, memberi penjelasan kepada kita bahwa mungkin penyibaran ceritera Panji itu terjadi di zaman perluasan kekuasaan Majapahit. Dalam kitab perundang-undangan Majapahit yang bernama Agama⁸⁾ kita dapatli ada beberapa istilah bayaran denda dengan sebutan 'samas' dan 'domas'; istilah ini masih hidup di Kelantan iaitu 'samas' untuk kesatuan hitungan lima puluh sen dan 'duamas' bagi kesatuan satu ringgit.

Persamaan antara beberapa perkataan Kelantan dengan perkataan Jawa dapat dilihat pula seperti 'wella' untuk menyatakan tercengang kepada sesuatu; 'tak periksa' sama dengan 'mboten prekso'. Perkataan 'mengetek' di Kelantan yang ertiinya mencuri sedikit-sedikit dapat disamakan dengan perkataan 'entek' di Jawa yang ertiinya 'sedikit' atau 'habis'. Perkataan 'khendak' Jawa Kuno sama ertiinya dengan 'kendak' dalam bahasa Kelantan. Perkataan 'sarу' di Kelantan lebih kurang sama ertiinya dalam bahasa Jawa Kuno. Perkataan 'godam' terdapat dalam kedua-dua bahasa Kelantan dan Jawa. Memang, kalau disenaraikan perkataan-perkataan Kelantan akan lebih banyak kita dapatli persamaan antara kedua bahasa itu, bahkan ada setengah-setengah perkataan Jawa Kuno yang sudah tidak ada dalam perbendaharaan kata Jawa Kuno masih hidup dalam bahasa Kelantan.

Nampaknya hubungan Kelantan-Jawa tidak hanya terjadi di lapangan kesenian bahasa dan hukum, tetapi di lapangan sastera dan agama dan lain-lain.

Dongen Ken Aruk yang berasal dari Pangkor dan seorang penyamun terkenal kemudian menjadi raja, di kalangan tertentu di Kelantan ceritera ini dapat diceritakan kembali dengan panjang lebar. Dari catatan yang diberikan oleh Prof. Slamet Muljono bahwa Ken Aruk telah dicuri di desa Pamalantenam, dapat dicari ekuasi nama tempat itu dengan Kelantan, walaupun ekuasi ini tidak memberi penjelasan yang terang tentang tempat sebenarnya Pamalantenam itu. Tetapi dari peristiwa sejarah lain yang terjadi dalam abad ke-10 Masehi, iaitu peristiwa serangan Raja Wurawari terhadap kerajaan Dharmawangsa di Jawa Timor pada tahun 992 Masehi, kerana membela serangan Dharmawangsa terhadap Srivijaya dalam tahun yang sama. Oleh setengah-setengah pihak ada mengatakan bahwa Raja Wurawari itu berasal dari pantai Timut Semenanjung Melayu, mungkin ianya terletak di Kelantan, kerana nama Wurawari itu bererti bunga raya dan Kelantan secara tradisi disebut dengan sekuntum bunga. Peristiwa ini menandakan betapa dekatnya hubungan Kelantan-Jawa.

Ada beberapa perkara penting yang perlu dikaji dalam mengkaji hubungan Kelantan-Jawa ini. Pertama, adanya 'Poh Pitu' di dalam sejarah kuno Jawa iaitu terkenal sebagai sebuah tempat di Medang Kamulan Bumi Mataram. Perkataan 'Poh Pitu' smpai hari ini masih hidup di kalangan rakyat Kelantan dengan sebutan 'Pitu Poh', iaitu pintu keluar masuk. Dahulu 'Pitu Poh' ini masih terdapat di bahagian depan istana Balai Besar Kota Bharu, Kelantan.

Kedua, adanya tanggapan orang-orang Kelantan di zaman dahulu dan smpai sekarang juga terhadap sacralnya 'saji langgar'. Saji Langgar ni tidak boleh digunakan untuk menutup makanan, tetapi digunakan khas untuk menutup ubat-ubatan bagi menyembuhkan seseorang yang sakit. Saji

Langgar ini mempunyai bentuk yang sama dengan Candi Borobudur, sedangkan sebagaimana diketahui candi Borobudur adalah sebuah bangunan seni bagi mengingati para arwah nenek moyang dan candi ini dinamakan juga 'kamulan' iaitu para leluhur. Kalau dibandingkan pengetian, kubur langgar yang ertiannya tidak lain ialah maqam suci tempat di mana dikuburkan orang-orang yang telah meninggal, di sini nampak adanya persamaan antara saji langgar dengan candi Borobudur baik dalam fungsi maupun dalam bentuk.

Ketiga, terdapat pula hubungan antara bentuk candi Borobudur dengan 'Balai Penjuru', balai perasapan, iaitu satu balai pemujaan untuk mengingatkan arwah nenek moyang. Bangunan Balai Penjuru ini bertingkat-tingkat, dan kalau dilihat kita akan dapati bukan sahaja persamaan bentuk tetapi juga persamaan fungsi. Baik bentuk saji langgar, maupun bentuk candi Borobudur dan Balai Penjuru diabadikan pula dalam motif pucuk rebung dalam tenunan songket Kelantan, semua ini menandakan adanya ciri-ciri hubungan antara Kelantan dengan Jawa.

Di zaman Wali-wali Sembilan, hubungan Kelantan - Jawa masih terasa lagi dengan dongeng pembinaan masjid tertua di Kelantan iaitu di Kampong Laut⁹⁾. Masjid ini mengikut tradisi lisan telah dibina oleh orang-orang dari Champa dalam perjalanan mereka ke Jawa; akibat perahu mereka becor, lalu mereka bernazar untuk mendirikan sebuah masjid jika mereka selamat mendapat. Sesudah mereka mendirikan masjid itu, mereka meneruskan perjalanan ke Jawa di mana mereka mendirikan pula sebuah masjid di sana yang bentuknya sama dengan yang ada di Kampong Laut itu. Orang-orang dari Champa itu adalah mualigh-mualigh Islam yang terkenal dengan sebutan Wali-wali Sembilan di Jawa.

Sehubungan dengan cerita pembinaan masjid Kampong Laut ini ada dikaitkan pula dengan seorang tokoh kisah Raden Panji. Raden Panji adalah seorang tokoh metos sejarah, ia mungkin seorang tokoh yang beberapa abad yang lampau datang ke Kelantan; atau tokoh metos yang dihidupkan kembali dalam tokoh Raden Panji sekarang ini, namun yang sangat penting di sini ialah ianya memberi gambaran bahwa adanya hubungan Kelantan-Jawa yang berlangsung terus menerus. Mengikut kisah yang diberikan oleh Engku Haji Cik bin Engku Mahmud, seorang penduduk di Kampong Apam, Pasir Mas, keturunan dari Raden Panji, mengikut beliau Raden Panji adalah berasal dari Solo, Surakarta, anak kepada Raden Sundang,¹⁰⁾ datang ke Kelantan mungkin pada zaman pemerintahan Long Yunus, seorang Raja Kelantan yang memerintah dalam tahun 1176 Hijrah bersamaan dengan 1756 Masehi.

Sebelum datang ke Kelantan, ia terlebih dahulu naik haji dan di Kelantan ia berkahwin dengan seorang perempuan di Kampong Apam dan mendapat beberapa orang anak, antaranya ialah:

- i) Nik Hitam
- ii) Raden Cahaya (kemudian diberi nama Nik Besar).
- iii) Raden Jayaputra (diberi gelar Nik Bulat).
- iv) Raden Prawirajaya (digelar Nik Zaid).
- v) Nik Yusof.

Elima-lima anak ini dibawa pulang ke Jawa oleh Raden Panji, tetapi mereka kembali semula ke Kelantan. Sekembalinya Raden Panji ke Kelantan, ia ada membawa bersama-sama barang-barang seperti:

- i) Sebilah keris lok
- ii) Sebilah keris panjang anak alang
- iii) Sebilah lembing
- vi) Sebuah Quran tulisan tangan
- v) Satu raha songket

- vi) Satu batu menggiling jamu
- vii) Satu rangkap batu nisan
- viii) Satu rangkap wayang kulit melayu (Panji)
serta alat bunyi-bunyiannya
- dan ix) Pohon Gayam (sejenis pohon yang dapat hidup lama).

Sebahagian daripada barang-barang ini telah hilang, dan ada di antaranya sengaja dimusnahkan oleh keturunan Raden Panji seperti wayang kulit dan alu batu menggiling, kerana barang-barang ini sangat berat pantang larang untuk menjaganya. Tetapi ada juga barang ini yang masih tersimpan dengan baik seperti Quran tulisen tangan, Keris lok, keris anak alang, batu penggiling dan batu nisan yang telah digunakan untuk nisan kuburan Raden Panji sendiri di Kuburan Apam, Pasir Mas, Kelantan.

Yang sangat menarik untuk kajian sejarah dalam kisah Raden Panji ini ialah beliau mempunyai beberapa orang adik beradik, antaranya, Raden Hamid¹¹⁾, Raden Ranu¹²⁾ dan Raden Inu Kartasiah¹³⁾; di antara saudara-saudara itu, maka Raden Hamid tinggal di Gunung Jerai, Kedah¹⁴⁾ sedangkan Raden Ranu dan Raden Inu Kartasiah tetap tinggal di Jawa. Selain daripada itu, kisah Raden Panji ini yang dikaitkan dengan pembinaan masjid di Kampong Laut dan pembinaan sebuah masjid di Kampong Apam, Pasir Mas yang sama bentuknya dengan masjid di Kampong Laut dan sama bentuknya dengan masjid-masjid di Tanah Jawa, memberi pengertian kepada kita bahawa adanya tanda hubungan Kelantan dengan Jawa itu.

Ada beberapa peninggalan Raden Panji kepada anak keturunannya yang menjadi ciri penting adanya pertalian hubungan kekerabatan mereka dan sekali gus pula pertalian hubungan Kelantan-Jawa iaitu jampi hala yang berbunyi:

Doho, Kuripan, Gegelang, Singasari,
Raden Sundang, Raden Panji, Raden Hamid, Raden Kartapati,
Raden Inu Kartasiah, Mak Serjan, serjan kilat Sarjalawangi.

Kemudian ada pula jampi lain berbunyi:

Sang Sinuhun Wong Agung Setara Guru,
Ya Semar, ya sembung, Semar keluar,
zaman nenek maha tenggara, macam seroja,
cam-berecam atas anak cucu cicik Semar Wong,
pada waktu ini, ketika ini,
minta Semar turun dari dalam dunia,
bumi lemah tanah rata, morcapura, alang dunia,
sebab bapak dalang ada loghat, ada gaduh
hendak minta lepas dari segala kuwong, cending budi
bala seroka atas sifat Muhammad, pada Idris,
lepas seorang lepas semua,
lepas sekali bawa besar Semar,
Galuh, Inu, Turas.

Jampi somacam ini tidak hanya terdapat pada keluarga Raden Panji ini, tetapi juga terdapat pada orang-orang tertentu terutamanya dalang dan bomoh di Kelantan. Ini semua menandakan bahwa bagaimana besarnya pengaruh dan eratnya hubungan Kelantan-Jawa pada zaman dahulu. Bagi kita di zaman ini, segala kenyataan-kenyataan itu penting untuk dikaji dan dipelajari bagi menyusun kembali sejarah tanah air.

KETERANGAN ROJOKAN

- 1) Konsep Pamalayu Kartanagara ialah konsep pertahanan yang dijalankan oleh Kartanagara dalam tahun-tahun 1279 - 1292 untuk mempertahankan wilayah kekuasaannya dari serangan Monggol terhadap Nusantara; ia mengirim pasukanya ke Melayu di Sumatra dan ke Palembang, juga ia mengadakan persekutuan dengan Champa.
- 2) Hubungan Majapahit-Champa dijalin dengan politik perkahwinan antara raja-raja Majapahit dengan puteri-puteri Champa. Politik perkahwinan ini diabadikan dengan bangunan candi seperti Candi Pari dekat Porong, Jawa Timor yang didirikan dalam tahun 1371. Candi ini memperlihatkan gaya bangunan Champa.
- 3) Dalam buku Sriwijaya, Java en Kataha, diterbitkan dalam tahun 1937.
- 4) Dalam abad ke-9, bersitulah dua keluarga Sriwijaya-Sailandra dengan politik perkahwinan dan lahirlah di zaman ini candi-candi besar - antaranya ialah Borobudur - yang didirikan dalam tahun ± 775 oleh Pakai Panangkaran.
- 5) Zaman Kediri banyak menghasilkan sastera klasik antaranya ialah Samaradhana oleh Empu Dharmaja - mungkin dihasilkan di zaman pemerintahan Raja Kameswara I yang memerintah antara tahun 1115-1130.
- 6) Satu cerita dalam Kakung Kelantan yang mengisahkan Dewa Inuda (Muda = Inu), anak raja Jawa berhasil menakluk beberapa buah negeri dan sebagai tanda kejayaannya dinamikkanlah wau bulan (bulan = candra).
- 7) Tulisan saya dalam buku Pengantar Sastera, terbitan Pustaka Aman Press, Kelantan.
- 8) Lihat buku Perundang-undangan Majapahit oleh Prof. Slamet Muljono, mukasurat 102.

- 9) Lihat artikel saya dalam Mingguan Kota Bharu (akhbar) keluaran 27hb. Julai 1968 di bawah jodol 'Masjid Tua Kampong Laut Perlu DiPelihara dan Dirawat', edisi yang menyongsang persidangan sejarah yang berlangsung dari 5hb hingga 10hb Ogos di Kuala Lumpur. Masjid ini telah dipindahkan ke Nilam Puri, Kota Bharu.
- 10), 12) dan 13) jelas sekali nama-nama Jawa.
- 11) Nama Islam.
- 14) Gunung Jerai terkenal dalam metos Melayu sebagai tempat keramat.

BAHAN-BAHAN BACAAN

1. Pengantar Kebudayaan Indonesia, oleh Drs Soekmono, Jilid 1 dan 2, diterbitkan oleh Trikarya, Jakarta, Tahun 1958.
2. Menuju Borobudur, oleh Soedarsono, diterbitkan oleh Percetakan R.I., Jogjakarta, Tahun 1954.
3. Sriwijaya oleh Prof. Slamet Muljono, Percetakan Arnoldus Ende-Flores Nusa Tenggara Timur.

- 85 -

3c

Abdullah Al-Qari

('A.Q.H.A.S.)

Al-Qari adalah seorang ulama Islam yang dikenal dengan
sebutan 'Ustadz Al-Qari' atau 'Ustadz Al-Qari Al-Mutanawwi'.
Ia lahir pada abad ke-10 Masehi di Mesir dan meninggal pada abad ke-11 Masehi.
Al-Qari dikenal sebagai ahli hadis yang berilmu dalam bidang
hadis dan tafsir. Ia juga dikenal sebagai ahli ijtihad dan
ahli kalam. Ia pernah mengikuti pelajaran dari sejumlah
ulama terkenal lainnya, termasuk Al-Bayhaqi dan Al-Hakim.

WAN AHMAD PETANI DAN KARYA-KARYANYA

Suasana Kaabah di Tanah Suci Mekah tidak sedikit menyumbang pengaruh terhadap perkembangan fikiran dan pengetahuan umat Islam. Hal ini amat terasa terhadap lahirnya pujangga dan pengarang Islam terutama daripada bangsa kita Melayu dan Indonesia.

Antara pujangga-pujangga Tanah Suci itu, dari angkatan lama ialah Syaikh Daud Petani, Syaikh Zainal Abidin Petani, Tuan Guru Noh bin Jamaluddin, Syaikh Nawawi Banten, Syaikh Abdul Samad Palembang, Syaikh Usman Pontian, Syaikh Abdul Rahim, Muhammad Salleh Tok Kenali dan lain-lain. Seorang pengarang Tanah Suci yang tak asing lagi kepada kita ialah seorang ulama dan pengarang yang terkenal dengan nama SYAIKH AHMAD PETANI, guru bagi TUK KENALI seorang tokoh ulama yang terkenal di dunia sebelah sini.

Ya, sesudah perginya pujangga Syaikh Daud Petani, lahirlah pula seorang tokoh pengarang lama yang agak terkenal ia tulah Ahmad bin Mohd. Zain bin Mustafa bin Muhammad Petani. Beliau lebih terkenal dengan nama Tuan Guru Wan Ahmad Petani dan kerap juga dikenal dengan panggilan Tuan Guru Wan Ngah.

Kelahiran dan Sikap

Wan Ahmad dilahirkan di Kampong Jambu Petani pada bulan Syaaban 1272 Hijrah (\pm 1852 Masehi). Tida berapa lama ia menyedut udara di tanahair, dia belayar ke Mekah untuk menambahkan pengetahuannya sehingga dia dapat menguasai beberapa cawangan ilmu ugama dan dunia. Di sanalah beliau telah diberi tempat untuk menjadi guru di masjid Al-Haram sehingga beliau terkenal keseluruh negeri-negeri Melayu, termasuklah Indonesia.

Sebagai seorang pengarang yang sudah melepaskan dirinya dari kongkongan tukang tulis (penyalin) yang agak tidak bertanggungjawab di atas karyanya, beliau dengan tegas menulis suatu catatan kelahiran beliau dan penghidupan beliau di tanahair dalam bukunya, Hadiqatul Azhaari War Rayaahiin (halaman 211) berbunyi:

"FAEDAH diperanakkan AHMAD bin Mohd. Zain bin Mustafa ibnu Muhammad Petani pada malam Jumaat waktu jenera budak, lima haribulan Syaaban dari pada tahun 1272, Tahun Ular Besar, pada bulan Lima daripadanya dengan istilah Siam, pada hari keenam daripada Bulan Yang Keenam padu istilah Melayu, dan tempat beranaknya pada Kampong Jambu negeri Jering daripada bumi Petani dan mansyaknya (dibesarkan -P) pada Kampong Jambu itu dan pada Kampong Sena Janjar."

Gagasan dan Karya

Di samping menjadi seorang guru yang terkenal di Tanah Mekah, sebagai salah seorang pengarang Melayu, beliau banyak menyumbangkan karya-karyanya dalam perpustakaan Melayu; kurang-kurangnya sepuluh buah kitab dan enam buah risalah dalam

bahasa Arab bagi pengajian Tata Bahasa Arab.

Di antara karya-karyanya yang dapat dikumpulkan ialah seperti berikut:

1. Tas-hiilu Nailul Amaani

(Pemudah Mencapai Cita-cita)

Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab merupakan suatu huraian bagi kitab Al-'Awaamil (العوامل) karangan Al-Qaahir Al-Jurjaani dalam bidang tata bahasa Arab. Tarikh cipta: 1300 Hijrah (1880 maschi); tebal: 38 halaman kitab.

Kitab ini pernah dipergunakan di Mekah dan di Mesir sebagai sebuah kitab Nahu Arab yang berguna.

2. Luqtatul Ijlaan

(Pungutan Sepintas Lalu)

Sebuah kitab perubatan Melayu yang khas membincarakan segala jenis perubatan berdasarkan perubatan-perubatan Arab dan tempatan. Tarikh cipta: 1301 Hijrah; Tebal: 30 halaman kitab.

3. Bisyaratul 'Aamiliina Wa Nazaaratul Ghaafiliin

(مسارحة الحاصلين وندرة الغافلين)

(Penggemar Orang Yang Taat Dan Pengancam Orang Yang Lalai)

Sebuah kita yang banyak mengemukakan ayat-ayat Quraan dan Hadis di sekitar segi-segi hidup manusia; tujuan dan dasar hidupnya. Tarikh cipta: 1304 Hijrah.

Tebal: 72 halaman kitab.

4. Uqdul Jumaan

(Dukuh Intan)

Mengupas hal tauhid, keimanan kepada Allah.

Tarikh cipta: 1306 Hijrah; Tebal: 22 halaman kitab.

Cetakan keempat dikerjakan pada tahun 1348 Hijrah
di Matbaah Majlis Agama Islam Kelantan.

5. Sa'adatul Mutanabbih سعادۃ المتنبی

(Kebahagian Orang Yang Sedar)

Sebuah kitab khusus mengupas hal-hal di sekitar kematian. Pendapat-pendapat failasuf Yunani juga tidak ketinggalan. Tarikh cipta: 1306 Hijrah; Tebal: 34 halaman kitab.

6. Badruttamaami wan Nujuumus Sawaaqib بدر التمام و نجم حرم النهاية

(Bulan Purnama Raya Dan Bintang Terang)

Menceritakan sejarah Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. serta para sahabatnya, pejuang-pejuang Islam yang ulung. Tarikh cipta: 1307 Hijrah; Tebal: 49 halaman kitab.

7. Hadiiqatul Azhaari War Rayaahiin حدائق الأزهار والرياحين

(Taman Bunga-bunga Dan Pokok Wangian)

Mengupas cerita orang-orang wali dan salih; raja-raja Turki dan tempatan. Juga diselitkan dengan hal-hal kebudayaan Islam, ubat-ubatan dan zikir-zikir. Inulah sebuah kitab yang terbesar bagi pengarang, memuat setebal 266 halaman kitab. Tarikh cipta: 1307 Hijrah.

8. Bahjatul Mubtadiin Wa Farhatul Mujtadiin بحجه المبتدئين و فرحة المنتدرين

(Kebagusian Murid Dan Kesukaan Penuntut)

Mengupas soal-soal tauhid, fiqh dan akhlak.

Tarikh cipta: 1310 Hijrah; Tebal: 44 halaman kitab.

9. Tiibul Ihsan طب الاحسان

(Ubat Yang Berguna)

Sebuah lagi karya beliau yang membincangkan hal-hal perubatan sebagai hubungan kitabnya Luqtatul Ijlaan.

Tarikh cipta: 1312 Hijrah; Tebal: 63 halaman kitab.

Melihat kedua buah kitab beliau dalam kedoktoran adalah menyatakan beliau seorang penggemar ilmu atau Sains Kedoktoran. Pengetahuan ini didapatinya bukan secara teori semata, malahan beliau belajar secara praktik pada tabib (doktor) Arab yang mahir; antaranya ialah Syaikh Tabib Ab. Rahim Al-Kaabili.

10. Fariidatul Fara'a'id

فريدة المرائد

(Permata Yang Tak Terbanding)

Sebuah kitab penting yang menjadi pegangan umat Islam di negeri sebelah sini dalam soal-soal kepercayaan menurut iktikad Ahlis Sunnah Wal Jamaah. Ianya merupakan kitab yang populer sekali pada masyarakat kepondokan dan kesurauan setanding dengan kitab Muniyyatul Musalli karya Syaikh Daud Petani yang terkenal itu.

Tarikh cipta: 1313 Hijrah. Tebal 24 halaman kitab.

Dalam cetakan yang terbaharu, bahasa dan tekniknya telah diperkemaskan oleh Pujangga Syaikh Idris Al-Marbawi, Mesir.

11. Tadriijus - Sibyaan

تدريج الصياغ

(Pelatih Kanak-kanak)

Sebuah risalah yang membicarakan bahasa isti'arah (bahasa kiasan).

12. Ilmu Isti'arah علم استخارۃ
(Pengetahuan Bahasa Kiasan)

Sebuah risalah dalam bahasa Arab setebal 5 halaman buku. Pernah ditashihkan oleh Al-Marhum Tok Kenali, salah seorang murid kesayangan beliau. Tarikh dicetak: Tahun 1349 Hijrah; mungkin di Matbaah Majlis Agama Islam Kelantan (naskhah ini tersalin oleh penulis dalam kegiatan-kegiatan tahun lima puluhan dahulu).

13. Abniatul Asma'a wal Af'aa'l ابیات الاسماء والاعمال
(Pembentukan Kata-nama dan Katakerja)

Mengupas ilmu pembentukan Kata-kata Arab. Tebal: 15 halaman buku.

14. Risalah Fataaniyyah الرسالۃ فطانیۃ
(Risalah Ke Petanian)

Mengupas pelajaran Tatbabahasa Arab. Tebal: 10 halaman buku.

15. Al-Manzumatul Fataaniyyah المذکوہ فی الفطانیۃ
(Puisi Ke Petanian)

Hematkan kaedah-kaedah Tatbabahasa Arab yang disusun secara puisi (syair). Tebal: 14 halaman buku.

Ketiga-tiga risalah kecil di atas ini adalah di dalam bahasa Arab dan dicantumkan ke dalam sebuah buku kemudiannya. Rangkuman ketiganya telah dicetak dalam tahun 1355 Hijrah di Percetakan Al-Komaliyah Press, Kota Bharu, Kelantan.

16. Al-Fataawal Fataaniyyah

الفتاوى الفتاوى

(Petua-petua Ke Petanian)

Kemuatkan 1001 petua hukum-hakam dalam Agama Islam di sekitar perlakuan-perlakuan dalam masyarakat helayu khasnya dan umat Islam amnya. Petua-petua dan soal-jawab tersebut diselenggarakan oleh Encik Daud bin Ahmad Petani. Tarikh cetak: 1377 Hijrah; Tebal: 220 halaman kitab.

Dengan memerhatikan karya-karya beliau itu, kita akan memperoleh suatu pandangan bahwa Syaikh Jan Ahmad adalah seorang pengarung yang aktif, jiwanya membangun, suka menyiasat dan menge-mukakan sesuatu di samping menerima pendapat orang lain. Pendeknya beliau adalah seorang pencinta ilmu pengetahuan agama dan dunia. Karya-karyanya bukan sahaja terhad dalam bidang tauhid, fikah dan tasawwuf tetapi juga gemar membicarakan soal-soal kedoktoran, sejarah dan kebudayaan. Di sinilah terletaknya titik perbezaan antara beliau dengan pengarang-pengarang angkatan lama yang lain.

Kitab sejarah beliau yang terkenal Liadiiqatul Azhaar itu adalah tak lekang dari hasil-hasil penyiasatan sendiri. Perhatikan antara lain tulisannya:

"Barang siapa mau ajarkan diri,
Dan cerdik hatinya dan bijaksana;
maka hendaklah berdagang ke negeri,
orang lihatkan yang indah dari sana.

Maka demikianlah amat-amati ahli negeri orang dengan sya'an (kedudukan - P) ilmu pada negeri mereka itu hingga masyhur bangsa mereka itu antara sekalian bangsa dengan kepandaian dan bijaksana dan kepetahan dan banyak ilmu; maka dengan demikian itulah dapat mereka itu merika-rika memperbuatkan beberapa alat yang munafaat pada segala manusia." (halaman: 20)

" Tercita-cita dalam hati hamba bahwa Allah Taala lagi akan mendengarkan hamba dan memperlihatkan hamba di dalam masa hidup hamba ini bahwa adalah segala raja-raja di dalam Tanah Melayu yang mulia menaruh mereka itu akan cemburu pada segala hati mereka itu dan membesarakan segala hennah mereka itu dan mengadapkan amat-amati mereka itu dan menyungguh-nyungguhkan usaha itu pada bahwa dijadikan segala negeri mereka bendaharaan ilmu dan perladungan kepandaian dan membukakan segala mata anak jenis mereka itu kepada memandang cemerlang kebijakan dan handalan supaya ada kelihatan megah Bangsa Melayu antara segala alam; dan terkebilangan nama mereka itu antara segala Bani Adam dan bertambah-tambah mereka itu atas segala ulama dan bertambah nyata agama mereka itu atas segala ugama."

(halaman 21).

Dalam kitab tersebut disebutkan bahwa Raja Bugis yang pertama memeluk Agama Islam ialah Lam Dasilah pada tahun Hijrah 800 (halaman: 210). Kenyataan ini adalah sesuai dengan pendapat Professor S. Q. Fatimi.

Melihat keseluruhan karya-karya beliau, selain daripada meneliti pendapat-pendapatnya mengenai Bahasa Melayu, kita dapat membuat kesimpulan bahwa beliau adalah seorang ahli bahasa Melayu (sesuai dengan zamannya) dan juga ahli perpustakaan buku-buku Melayu.

Buktinya beliau telah menyangkal sebuah kitab yang bertentangan dengan Ahli Sunnah dikatakan dikarang oleh Syaikh Daud Petani sebagai berikut:

" Bahawasa permulaan barang yang hamba ketahui disebutkan harus yang empat itu (keharusan bagi Allah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah - P) di dalam satu risalah

dengan bahasa Melayu yang tiada disebutkan muallifnya (pengarangnya - P) maka mengambil akan dia oleh seorang Hindi yang menjual akan beberapa kitab pada Baabus Salaam, namanya Abdullah Mujallid (Penjilid Buku - P) maka ia taba'akan dia pada negeri Hindi dan dibawa jual ke Mekah; maka bersangatan lakunya dibeli bawa pulang kepada segala negeri Melayu kerana pada masa itu belum ada ditaba'akan (dicapkan - P) kitab-kitab Melayu; dan tiap-tiap ditanyakan Abdullah Mujallid itu daripada siapa-siapa muallif risalah itu, berkata ia ini risalah korangan Syaikh Daud dengan semata-mata bohongnya supaya banyak gemar orang pada membelinya kerana banyak karangan Syaikh Daud dan masyhurnya.

Maka tatkala mengulang ia akan cap risalah itu ia taruhkan pada tepi risalah itu pada awalnya bahawasa ia karangan Syaikh Daud pada hal risalah itu bukannya daripada karangan Syaikh Daud seperti barang yang diketahuikan daripada memeriksakan segala ibaratnya dan lughatnya.

(Al-Fataawal Fataaniyyah: ms. 22)

Selain dari tugasnya mengarang, beliau pernah juga menjadi seorang pentashih (peneliti) kitab-kitab Melayu yang hendak disebarluaskan keseluruh Kepulauan Melayu, Mekah dan Madinah, bahkan beliaulah orang yang pertama mentashih kitab-kitab Melayu di percetakan Mesir dan Mekah, seperti kata beliau sendiri:

"(Dan adalah hamba) Al-Fakir ila 'afwillahi Taala saahibi haadzal majmu' telah mendirikan fardhu kifayah mentashih-kan kitab Melayu pada Al-Matbaah Al-Mairiyyah yang di Mekah Al-Mahmiyyah daripada sanat 1300 hingga masuk kepada tahun 1307 iaitu ini tahun dan dahulu daripada itu per-hamba mentashihkan di negeri Mesir pada Matbaah Mairiyyah dan lainnya dan kasad (tujuan - P) hamba dengan demikian itu menolong Muslimin yang mengambil munafaat dengan

segala kitab itu hingga hari Kiamat. Maka hambalah awal mereka yang mentashihkan kitab Melayu pada matbaah Mesir dan Mekah." (Al-Hadīqatul Azhaar: ms 206.)

Dalam menguasai bahasa ibunda, maka Syaikh Ahmad bin Mohd. Zain adalah lebih cekap dan rasa bahasanya lebih hidup daripada Syaikh Daud Petani. Kadang-kadang dalam karangan beliau, beliau selangi dengan bahasa puisi: Prosa berirama, contohnya:

Kepujian itu bagi Allah sebagai pujian yang amat sempurna,
Tuhan yang mengurniakan kita beberapa banyak faedah dan guna-gunanya,

Dan rahmat dan sejahtera atas Nabi Kita Muhammad yang diangkatkan sebutannya dan diberkahkan pada namanya,

Yang menunjukkan kita kepada beberapa rahsia firmanya
Taala dan cemerlang ugamanya.

(Kemudian diriwayatkan.....)

Maka bahwasanya ini suatu risalah yang kecil dan pungutan yang pendek,

Dan perhimpunan yang elok dan kegemaran yang cantik,

Kami pungutkan dia dengan segera,

Dan karangkan dia karangan mutiara,

Hilengkapi ia atas beberapa munafuat dan faedah,

Yang seolah-olahnya buah-buahan yang diinginkan dan bunga-bungaan yang indah.

(Luqtatul Ijlaan - Pengantar)

Di Tanah Suci Mekah, Al-Marhum Wan Ahmad menjalani pelajaran dan pendidikannya mendalami ilmu agama dan keduniaan. Di bawah lindungan Kaabahlah beliau mengajar dan mengembangkan ajaran-ajaran Islam dan dengan keberkatannya maka lahirlah ulama-ulama Islam yang terkenal, antara lain ialah Al-

terkenal, antara lain ialah Al-Marhum TOK KENALI +
Datuk Mufti Haji Ibrahim, Mufti Kerajaan Kelantan dan Syaikh
Abdul Kadir Mendahiling (Indonesia), seorang pengarang Islam
yang sangat tajam penanya.

Menurut berita bahwa Tuan Guru Wan Ahmad ini adalah tubuhnya lampai, tidak gemuk dan tenang orangnya.

Setelah menjalani hidup kira-kira setengah abad, maka pada tahun Hijrah 1325 (\pm 1906 Masehi) di Kota Suci Mekah beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir. Jasa beliau tetap dikenang dan usaha beliau diteruskan oleh anaknya Haji Wan Ismail yang disamping mengajar, pernah juga mengarang beberapa buah kitab atau risalah, antaranya:

1. Al-Uqadul Fariid الحقد الشريد
(Kepercayaan Utama)

Mengupas soal tauhid - tebal: 40 halaman buku (1354 H)

2. Tadriibul Baniina wal Banaat تدريب البنين والبنات
(Pendidikan Putera Puteri)

Membicara di sekitar undang-undang Islam (fikah).

3. Ghaayatul Arfaah حمار الارفاح
(Puncak Kesukaan)

Mengupas khusus di sekitar hukum-hukum nikah-kahwin dalam Islam. Tebal 46 halaman kitab (1377 H). Satu satunya kitab yang disusun menurut susunan undang-undang (setiap masalah diberi bernombor) yang agak moden.

Syaikh Wan Ahmad adalah bak bintang timur yang tak kunjung padam dalam peredaran perpustakaan Melayu. Cahayanya masih dapat dinikmati dan kesannya masih besar.

+) Lihat: Sejarah Hidup Tok Kenali, PAP (1967) ms. 27-34 dan Cerpen-Cerpen Tok Kenali, DIAN (1969) ms. 25 - 50.

ABDUL SAMAD BIN MAHMOOD

R I W A Y A T H I D U P

HAJI ABDUL SAMAD BIN FA'IEH HAJI ABDULLAH
(TOK PULAI CHONDONG)

Pendahuluan

Dokumentasi: Suatu masaalah yang besar yang saya hadapi tatkala menulis riwayat hidup Allahyarham Haji Abdul Samad ini ialah ketiadaan bahan-bahan bertulis yang boleh dianggap sebagai dokumen sejarah. Saya menjumpai hanya dua pucuk surat yang ada sedikit kena mengena dengan penulisan ini; iaitu surat daripada Haji Abdul Rahman bin Almarhum Abi Bakar yang dialamatkan kepada Haji Muhammad Arshad bin Haji Abdul Samad , dan daripada Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Muhammad IV yang juga dialamatkan kepada Haji Muhammad Arshad; sekeping catitan tulisan tangan Haji Muhammad bin Haji Muhammad Arshad, sebuah kitab tulisan kitab tulisan tangan yang tidak diketahui nama dan nama pengarangnya, dan sebuah Quran tulisan tangan.¹⁾

Sumber-sumber cerita mulut yang sahih amat sukar didapati

kerana orang-orang yang sezaman dengan Haji Abdul Samad semuanya telah meninggal dunia, bahkan orang-orang yang sezaman dengan anaknya, Haji Muhammad Arshad pun hanya tinggal seorang sahaja lagi di Pulai

Chondong ini.²⁾ Memang banyak cerita-cerita berkenaan dengan Haji Abdul Samad tetapi kebenaran cerita-cerita itu boleh dipersoalkan. Walaubagaimanapun, saya bernasib baik kerana beberapa orang cicitnya: Haji Shamsuddin bin Mahmud, Abdul Rahman bin Haji Sulaiman dan Haji Ahmad bin Haji Abdul Kadir telah berusaha mencatatkan sedikit sebanyak cerita-cerita mulut yang didengar daripada orang-orang yang terlebih tua daripada mereka.

Peninggalan-peninggalan sejarah yang masih ada hingga sekarang dan yang amat berguna untuk kajian ini ialah sebuah menara,³⁾ sebuah gendang dan sebuah mimbar masjid. Peninggalan-peninggalan sejarah ini boleh memberi gambaran yang jelas tentang peranan dan kedudukan Haji Abdul Samad dalam masyarakat.

2. Latarbelakang Sejarah dan Sosial

Allahyarham Haji Abdul Samad dilahirkan pada akhir zaman pemerintahan Almarhum Long Yunus (1762 - 1794 Masehi) dan meninggal dunia pada akhir zaman pemerintahan Almarhum Sultan Muhammad II atau lebih terkenal dengan gelaran Sultan Mulut Merah (1838 - 1886 Masehi). Pada permulaan zaman pemerintahan Sultan Muhammad II iaitu pada masa Haji Abdul Samad mencapai penuh kedewasaan, negeri Kelantan dalam perperangan saudara kerana merebut takhta kerajaan negeri Kelantan.

Setelah selesai perperangan tersebut, baginda Sultan menjalankan pemerintahan dengan aman dan mengikuti betul-betul hukum ugama Islam dan sistem pentadbiran negeri Kelantan dikatakan bertambah-tambah teratur dari semasa ke semasa.⁵⁾ Kehidupan rakyat Kelantan pada masa itu diceritakan dengan detail oleh Abdullah Munshi yang kebetulan

melawat Kelantan pada tahun 1838 Masehi.⁶⁾

Pulai Chondong letaknya 19 batu dari Kota Bharu ikut jalan Kota Bharu - Kuala Krai. Mukim Pulai Chondong pada awal abad kesembilanbelas hingga ke akhir abad kesembilanbelas meliputi seluruh daerah Pulai Chondong sekarang ini. Perhubungan antara Pulai Chondong dengan Kota Bharu boleh dibuat dengan menaiki gajah melalui hutan rimba yang tebal atau dengan melalui sungai Kelantan. Jalanraya dibuka dengan banyaknya pada zaman pemerintahan Sultan Muhammah III (1889 - 1908 Masehi)¹⁰⁾ dan sampai ke Kuala Krai pada tahun 1908 Masehi.⁸⁾

Corak pendidikan yang ada pada pertengahan hingga akhir abad kesembilanbelas ialah pendidikan secara pondok atau madrasah.⁹⁾ Perkara-perkara yang diajar ialah mengaji Quran, hukum-hukum ugama dan doa sembahyang.¹⁰⁾ Bilangan orang yang tahu menulis amatlah kurang.¹¹⁾ Sungguhpun ada anak-anak raja dan anak-anak orang besar-besar yang ingin belajar membaca dan menulis tetapi tidak dapat kerana ketiadaan guru.¹²⁾

3. Riwayat Hidup Haji Abdul Samad

Allahyarham Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah dilahirkan di Kampong Bukit, Pulai Chondong, Kelantan kira-kira pada tahun 1792 Masehi (1207 Hijrah). Semasa kecilnya Haji Abdul Samad mendapat didikan ugama daripada bapanya Faqih Haji Abdullah bin Haji Hashim yang pada ketika itu menjadi Imam Mukim Kampong Bukit. Haji Abdul Samad melanjutkan pelajarannya di Nekah buat pertama kalinya pada tahun 1808 Masehi (1223 Hijrah)¹³⁾ dan berguru pada seorang alim bernama Haji Muhammad Adham.¹⁴⁾

Apabila bapanya Faqih Haji Abdullah meninggal dunia, Haji Abdul Samad menggantikan bapanya menjadi Imam Mukim Kampong Bukit. Sebagai seorang Imam adalah menjadi kewajipannya mengajar hukum-hukum ugama Islam kepada anak mukimnya. Inilah merupakan titik permulaan dalam kehidupannya sebagai seorang guru ugama.

Tidak berapa lama kemudian Haji Abdul Samad membuka sebuah kampung dan mendirikan sebuah surau di suatu tempat yang sekarang ini dipanggil Kampong Bilal Talib. Di tepi kampung yang baharu diteroka itu ada sepohon pokok pulai yang besar dan condong. Mengambil sempena keadaan pokok itu maka tempat yang baharu diteroka itu dipanggil 'Kampong Pulai Chondong'.¹⁵⁾

Kira-kira pada tahun 1840 Masehi (1256 Hijrah) Haji Abdul Samad sekali lagi pergi ke Mekah kerana menunaikan fardzu haji dan menambahkan ilmu pengetahuannya. Semasa di Mekah, Allahyarham dikatakan pernah belajar bersama-sama saudara dua pupunya iaitu Sheikh Daud Fatani.¹⁶⁾

Adalah diketahui umum bahwa pada pertengahan abad kesembilan belas pendidikan bercorak keugamaan mendapat sambutan yang baik. Pemerintahan Sultan Muhammad II yang menurut hukum-hukum ugama Islam, sistem pemerintahan yang bertambah teratur, dan keadaan aman dalam negeri di bawah pemerintahan baginda, memberi peluang kepada rakyat menumpukan perhatian yang lebih kepada kehidupan jasmani dan rohani. Pulai Chondong sebagai sebuah mukim dalam negeri Kelantan tidaklah terkecuali daripada mengalami suasana baik ini. Perkembangan pelajaran berlaku dengan pesat - ramai orang dari jauh dan dekat datang menuntut ilmu di pondok Pulai Chondong.

Pada tahun 1856 Masehi (1273 Hijrah) surau yang didirikan oleh Haji Abdul Samad itu dengan takdir Tuhan telah hangus dijilat api. Dengan kerjasama anak-anak mukim Pulai Chondong pada tahun itu juga Haji Abdul Samad mendirikan sebuah surau lain di tepi sungai Pulai Chondong yang jauhnya kira-kira sesuku batu dari surau yang terbakar itu. Surau yang baharu didirikan itu kemudiannya dilengkarkan dengan mimbar, gendang dan menara.

Sungguhpun perjalanan ke Tanah Suci pada masa itu merupakan suatu perkara yang sukar tetapi Haji Abdul Samad dikatakan mengunjungi Tanah Suci beberapa kali kerana di sanalah sumber utama pengetahuan ugama Islam. Pada tahun 1862 Masehi (1278 Hijrah) Allahyarham sekali lagi menunaikan fardzu haji bersama-sama anak-nya yang bernama Muhammad Arshad, yang baharu berumur tigabelas tahun, dan menambahkan ilmu pengetahunnya untuk dikembangkan di negeri kita. Pada kali ini Allahyarham telah mengambil peluang menziarahi kubur Imam Shafie di Mesir bersama-sama Tuan Tabal (pengurang Kitab Sabila) dan Tuan Haji Hassan, Besut. ¹⁷⁾

Haji Abdul Samad dikatakan alim dalam ilmu tasawwuf dan ilmu fiqh. Allahyarham adalah seorang yang warak dan gemar beribadat. Satu daripada doa-doa yang selalu diamalkannya ialah Hizbul-Bahar. ¹⁸⁾ Allahyarham berpegang kepada filsafat hidupnya yang berbunyi: 'Berhamba kepada Allah dengan sebaik-baik hamba'. ¹⁹⁾ Di antara beberapa orang muridnya yang masyhur ialah Tok Ckekeli (Awang bin Yaakub), Tok Kedah (Harun bin Daud), ²⁰⁾ Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan ²¹⁾ dan Muhammad Arshad bin Haji Abdul Samad.

Sekembalinya dari Tanah Suci, Haji Abdul Samad meneruskan khidmatnya mengembangkan ugama Islam dan memimpin penduduk-penduduk Pulai Chondong hingga ke akhir hayatnya. Tingginya menara masjid Pulai Chondong itu melambangkan betapa tingginya cita-cita dan hasrat Haji Abdul Samad dalam mengembangkan pelajaran dan syi'ar Islam sehingga Allahyarham dikenal di seluruh negeri Selantan dengan nama Tok Pulai Chondong.

Haji Abdul Samad meninggal dunia di Mekah pada tahun 1874 Masehi (1290 Hijrah)²²⁾ dan dikebumikan di tanah perkuburan Maala (berhampiran dengan kubur Siti Khadijuh). Allahyarham mempunyai sembilan orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan. Empat orang anaknya yang lain (tidak diketahui jantinanya) meninggal dunia semasa masih kecil.

4. Peranan dan Kedudukan Allahyarham dalam masyarakat

Peranan Haji Abdul Samad dalam bidang pelajaran dan pendidikan, dan kedudukannya dalam masyarakat haruslah dilihat dalam konteks masyarakat pada zamannya dalam mana sebilangan besar penduduk adalah butahuruf dan sistem nilai mereka masih bersifat tradisional tulin.

Selaku Imam Mukim, tugas Haji Abdul Samad yang paling utama ialah mempastikan bahawa tiap-tiap orang anak mukimnya mengetahui fardzu ain dan memimpin anak mukimnya dalam segala upacara keugamaan; misalnya mengetahui sembahyang-sebahyang, menyempurnakan pengkebumian, menjalankan upacara nikah kahwin dan sebagainya. Oleh kerana institusi qadzi dan institusi-institusi ugama yang lain belum

lagi wujud pada ketika itu, Imam juga menjalankan fungsi-fungsi lain yang ada hubungan dan kena mengena dengan pengajaran ugama dan hukum-hukum Islam; misalnya menyelesaikan pembahagian harta pusaka, membicarakan perselisihan suami-isteri, mengeluarkan fatwa-fatwa kepada anak mukimnya, memberi nasihat kepada orang-orang yang hendak menunaikan fardzu haji dan lain-lain lagi.

Suatu hakikat yang harus disedari ialah pada zaman tradisional Imam Mukim adalah dianggap seorang yang paling terpelajar di dalam mukimnya dan dipercayai oleh pemerintah. Seorang Imam itu selain daripada menjalankan tugas-tugasnya yang berhubung dengan ugama ia juga memainkan peranan dalam bidang pentadbiran.²³⁾ Sungguhpun jawatan Tok Kuweng telah wujud pada ketika itu tetapi jawatan itu tidak penting dan efektif, dan Imam Mukim masih lagi dianggap sebagai golongan pemerintah atau pentadbir di dalam mukimnya, hingga ke akhir abad kesembilanbelas.²⁴⁾ Oleh yang demikian Imam Mukim adalah seorang yang bertanggungjawab dalam pelbagai perkara yang biasa dijalankan sekarang ini oleh beberapa personnel. Surau yang satu-satunya tempat perhimpunan orangramai pada zaman tradisional bukan sahaja merupakan tempat beribadat tetapi juga sebagai pejabat dan dewan di mana segala masalah penduduk dalam mukim itu dibincang dan diputuskan.

Haji Abdul Samad bolehlah disifatkan sebagai pengasas pendidikan ugama di Pulai Chondong. Sebagai guru ugama, tugas Allahyarham yang besar ialah mengembangkan pengajaran ugama Islam dan mendidik budi pekerti penduduk-penduduk Pulai Chondong. Tugas ini jauh lebih penting daripada yang kita fikirkan sekarang bila

mengingati bahwa proses penyebaran dan perkembangan ugama Islam di negeri kita masih dalam peringkat awal dan kemudahan percetakan (seperti kitab, kertas dan lain-lain bahan cetak) dan kemudahan-kemudahan pendidikan yang lain, jika ada, amat sedikit dan sukar didapati. Dalam keadaan serba kekurangan ini, Haji Abdul Samad dikatakan telah mempunyai ramai murid yang terdiri dari penduduk-penduduk Pulai Chondong sendiri dan orang-orang dari kawasan luar Pulai Chondong, dan telah berjaya menghasilkan beberapa orang alim yang masyhur.²⁵⁾ Asas pendidikan yang diletakkan oleh Haji Abdul Samad itu diteruskan dengan jayanya oleh anak cucunya.

Tidak syak lagi bahwa Haji Abdul Samad dipandang mulia dan dihormati oleh penduduk-penduduk Pulai Chondong dan dianggap orang yang paling terkemuka sekali pada masa itu kerana Allahyarham memenuhi hampir semua faktor-faktor penentuan status pada zaman tradisional.²⁶⁾ Keupayaan Haji Abdul Samad mendirikan Menara Mag Masjid Pulai Chondong itu menunjukkan dengan jelas bahawa: -

- i) Haji Abdul Samad mempunyai pengikut yang ramai dan pengikut-pengikutnya bekerjasama antara satu sama lain di bawah pimpinannya;²⁷⁾
- ii) Haji Abdul Samad mempunyai pengaruh yang kuat dan amat disegani oleh penduduk-penduduk Pulai Chondong;
- iii) Haji Abdul Samad mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang rekabentuk bangunan.

Di antara beberapa perkara yang menyebabkan Haji Abdul Samad mendapat kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat ialah: -

- i) Haji Abdul Samad ialah seorang Imam. Kedudukan

seorang Imam pada zaman tradisional adalah lebih penting daripada kedudukan Tak Kuweng.²⁸⁾

Haji Abdul Samad boleh dianggap sebagai pemimpin tempatan. Oleh kerana perhubungan dengan ibu negeri adalah sukar, perhatian penduduk begitu banyak tertumpu kepada pemimpin tempatan;

- ii) Haji Abdul Samad ialah seorang alim dan seorang guru ugama. Allahyarham dianggap orang yang terpelajar pada masa itu dan merupakan seorang elita (elite) dalam masyarakatnya. Namanya masyhur ke seluruh negeri Kelantan dan Allahyarham dikunjungi oleh orang ramai termasuk pembesar-pembesar negeri kerana berbagai tujuan walaupun Haji Abdul Samad sendiri tidak ingin dikunjungi sedemikian rupa;
- iii) Bapanya, Faqih Haji Abdullah ialah seorang alim. Beliau mendapat gelaran 'Faqih' (Jurisprudent) kerana kebijaksanaannya dalam ilmu fiqh. Datuknya, Haji Hashim, ialah Imam Kampong Bukit (dikenal sebagai Imam Bukit) dan juga seorang alim. Beliau digelar Datok Saraf kerana kealimannya dalam ilmu saraf (etymology). Jadi Haji Abdul Samad adalah dari keluarga orang yang terkemuka.³¹⁾
- iv) Haji Abdul Samad dianggap sebagai orang yang mula-mula sekali membuka kampung Pulai Chondong. Allahyarhem dikenal jauh dan dekat sebagai Tok Pulai Chondong. Kampung-kampung lain dalam daerah Pulai Chondong sekarang, kecuali Kampong Bukit, mendapat nama masing-masing terkemudian daripada nama 'Pulai Chondong'.³²⁾
- v) Haji Abdul Samad mempunyai ramai keluarga. Kebanyakan penduduk Pulai Chondong pada masa itu adalah bersaudara dengannya. Oleh yang demikian kedudukannya sebagai Imam dan sebagai pemimpin tempatan mendapat sokongan dari sebilangan besar penduduk;

- vi) Haji Abdul Samad mempunyai hubungan yang rapat dengan baginda Sultan Muhammad II (Tuan Senik Mulut Merah). Allahyarham dikatakan pernah menjadi guru kepada Raja Perempuan Kelantan.³³⁾ Dengan demikian secara langsung atau tidak langsung, jawatan Imam yang dipegang oleh Haji Abdul Samad itu diiktiraf dan disokong oleh wibawa yang tertinggi;³⁴⁾
- vii) Haji Abdul Samad mempunyai sifat-sifat peribadi yang terpuji.³⁵⁾ Allahyarham dikatakan amat lemah lembut dan sopan santun. Sebagai seorang sufi, Allahyarham sangat merendahkan diri dan menghormati sesama manusia.

Dengan keterangan-keterangan di atas nyatalah bahwa Haji Abdul Samad bin Faqih Enji Abdullah adalah seorang pemimpin masyarakat yang terkenal pada zaman silam. Jenerasi kita sekarang haruslah membuat sesuatu bagi mengabdikan namanya dan mengenangkan jasa-jasanya dalam bidang pelajaran dan pendidikan, dan khidmatnya kepada masyarakat.

H U J U N G A N "A"

MENARA MASJID PULAI CHONDONG

Menara Masjid Pulai Chondong yang hingga sekarang masih lagi merupakan suatu objek kemegahan tempatan telah dibina oleh Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah pada tahun 1856 Masehi (1273 Hijrah).³⁶⁾ Menara ini tingginya 57 kaki, (berbentuk lapansegi sekata dan berukuran lilit luar 12 kaki 6 inci. Di tengah-tengah menara ini didirikan sebatang tiang (yang tidak bersambung) sebagai paksi. Paksi ini juga berbentuk berbentuk lapansegi sekata, berukuran lilit di bahagian bawah bawahnya 43 inci dan di bahagian atasnya 24 inci; dan dikatakan ditanam di dalam tanah sedalam 28 kaki.

Menara ini dibuat secara gotong royong dengan menggunakan tenaga beratus-ratus orang lelaki. Rekabentuknya dikatakan dibuat oleh Haji Abdul Samad sendiri. Semua bahagian menara ini diperbuat daripada kayu cengal batu dengan hanya menggunakan beliung, kapak dan pahat sahaja. Kesankesan beliung dan kapak masih lagi kelihatan pada paksi itu. Kayu untuk paksi dan dindingnya diambil di Bukit China³⁷⁾ iaitu suatu tempat lebih kurang tiga batu dari Pulai Chondong.

Untuk naik ke atas puncak menara itu disediakan 23 anaktangga yang jaraknya antara satu dengan lain purata 1 kaki 8 inci. Anaktangga-anaktangga yang berbentuk trapizam

ini dilekatkan hujung-hujungnya kepada paksi dan kepada bahagian luar (dinding) Menara itu dengan demikian anak-tangga-anaktangga ini juga mengikat dan mengukuhkan kedudukan tegak Menara itu. Tangga ini dibuat berkeliling paksi mengikut arah lawan pusingan jarum jam.

Di bahagian atas menara itu iaitu di tempat bilal mengalunkan azannya diberi perlantaian. Pintu masuk ke tempat itu ialah sebuah lubang berbentuk seakan-akan separuh bulatan berukuran 1 kaki 9 inci pada bahagiannya yang paling panjang. Dari lantai ke rasuk tingginya 6 kaki. Ini bererti orang yang tingginya kurang daripada 6 kaki boleh berdiri tegak dengan senang.

Keteguhan Menara ini telah teruji apabila Kelantan dipukul Ribut Besar pada tahun 1380 Masehi (1297 Hijrah) dulu. Semua pokok-pokok besar dan kecil di sekitar Menara itu telah tumbang bergelimpangan tetapi dengan kehendak Allah, Menara ini sedikitpun tidak terjejas oleh tiupan taufan itu.

Pada bulan Disember 1958, Menara ini telah dibaiki sedikit: atapnya diganti baharu, dindingnya di bahagian bawah sekali dikerat sedikit bagi membolahkan tapaknya disemin dan kedudukannya ditegakkan beberapa dorjah.

Menara ini masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan hingga sekarang. Ia merupakan sebuah binaan sejarah yang amat penting dan memerlukan perhatian dan perlindungan Arkib Negara dengan seberapa segeranya.

PUNCA KOJOKAN DAN KETERANGAN

- 1) Kedua-dua naskhah tulisan tangan ini sekarang ada dalam simpanan Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Muhammad, Pulai Chondong.
- 2) Iaitu seorang perempuan berumur 108 tahun bernama Fatimah binti Saadan, Kampong Bandar, Pulai Chondong.
- 3) Lihat: Hujungan 'A'
- 4) Lihat: Haji Nik Mahmud bin Ismail, Ringkasan Cetra Kelantan, (Kota Bharu), 1933, hal. 42
- 5) ibid
- 6) Lihat: Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, Kisah Pelayaran Abdullah, (OUP. Kuala Lumpur), 1964 hal. 59 - 109.
- 7) Haji Nik Mahmud bin Ismail, loc. cit. hal. 46
- 8) Temuramah dengan Haji Samsuddin bin Mahmud pada 25hb. Jun 1973
- 9) Sekurang-kurangnya tiga pusat pengajian ~~diketahui wujud di Kelantan pada masa itu,~~
~~iaitu di Kota Bharu, Kubang Kerian dan Pulai Chondong.~~
- 10) Lihat: Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, loc. cit. hal. 83
- 11) 'Tiada empat orang dalam negeri ini //Kelantan// yang tahu menulis seperti tuan ini //Abdullah Munsyi//; ada juga sedikit-sedikit orang tahu mengaji Quran.' Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, loc. cit. hal. 82
- 12) Abdullah bin Abdul Kadir, op. cit. hal. 82
- 13) Temuramah dengan Haji Ahmad bin Haji Abdul Kadir pada 25hb. Disember 1973.
- 14) Temuramah dengan Haji Shamsuddin bin Mahmud pada 25hb. Jun 1973.
- 15) Temuramah dengan Hamat bin Dolah (berumur 92 tahun) Kampung Mulong, Pulai Chondong pada 25hb. Disember 1973.

- 16) Pengarang Kitab Minayatul Musalli.
- 17) Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Haji Sulaiman pada 25hb. Disember 1973.
- 18) Lihat: Wan Ali bin Abdul Rahman Kutai, Limat al-Awsad, (Kota Bharu, Haji Wan Mahmud Daud, 1900), halaman 80.
- 19) Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Haji Sulaiman. Falsafah hidupnya ini mungkin kesan daripada pesanan gurunya yang terakhir yang berbunyi, 'Rububiyyah hendaklah dirububiyyahkan; ubudiyah hendaklah diubudiyahkan.'
- 20) Temuramah dengan Tuan Haji Shamsuddin bin Mahmud pada 25hb. Jun 1973.
- 21) Mengikut Ustaz Haji Wan Mahmud bin Wan Daud (diceritakan kepada Haji Muhammad bin Haji Arshad).
- 22) Catatan bertulis Haji Muhammad Arshad bin Haji Abdul Samad.
- 23) Lihat: J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, DBP, (1970), halaman 58 - 59.
- 24) Surat daripada Haji Abdul Rahman bin Palmarhum Abi Bakar kepada Haji Muhammad Arshad bertarikh 25hb. Jamadi-Thani, 1324, yang berbunyu, '..... neneknda tuan Haji Abdul Samad yang empuinya perintah di dalam Mukim Pulai Chondong membuktikan kebenaran kenyataan ini.'
- 25) Supra, halaman 5.
- 26) Kecuali pemilikan harta, Lihat: S. Hussin Ali, Social Stratification in Kampong Bagan, (Singapore, Suatu Monograf Malaysian Branch Royal Asiatic Society, (1964), halaman 58.
- 27) Menara Masjid Pulai Chondong itu dibuat secara gotong royong dengan menggunakan beratus-ratus orang lelaki. Lebih 80 orang lelaki dikatakan menarik tiap-tiap batang balak dari Bukit China.
- 28) Kepentingan kedua-dua jawatan ini boleh dibandingkan dari segi kelayakan dan kebolehan masing-masing. Pada akhir abad kesembilanbelas Tok Kuweng tidak perlu tahu tulis-menulis dan membaca, misalnya Tok Kuweng Karim (Tok Kuweng Mukim Pulai Chondong pada akhir abad ke sembilanbelas) adalah butahuruf.

- 29) Supra, halaman 2 - 3
- 30) Misalnya pada suatu pagi apabila haji Abdul Samad melihat beberapa orang tetamu mengunjunginya dengan membawa berbagai-bagai hadiah Allahyarham berkata dengan sedih, 'Pagi-pagi lagi bala sudah sampai !' Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Haji Sulaiman pada 25hb. Disember 1973.
- 31) Suatu kelayakan untuk menjadi seorang pemimpin Lihat: J.M. Gullick, loc. cit., halaman 55.
- 32) Misalnya, 'Kampong Bilal Talib'. Talib ialah Bilal Imam haji Abdul Samad.
- 33) Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Haji Sulaiman pada 25hb. Disember, 1973.
- 34) Faktor ini amatlah mustahak dalam kewibawaan seseorang pemimpin. Lihat: J.M. Gullick, loc. cit., halaman 57-58.
- 35). Suatu faktor utama dalam penentuan status. Lihat: S. Hussin Ali, loc. cit. halaman 60.
- 36) Iaitu pada masa haji Muhammad Arshad bin Haji Abdul Samad berumur lapan tahun. Temuramah dengan Haji Ahmad bin Haji Abdul Kadir pada 25hb. Disember, 1973. (Haji Muhammad Arshad bin Haji Abdul Samad dilahirkan pada 1848 Masehi (1265 Hijrah)).
- 37) Temuramah dengan Haji Shamsuddin bin Mahmud pada 25hb. Jun, 1973.

66KB

JERNAL SEJARAH KELANTAN

Y
00044/3
HAL

KOLEKSI N. A. HALIM

